

# **KONSEP PERKAHWINAN DALAM AGAMA ISLAM**

## **2.1 Pengenalan**

Perkahwinan merupakan instrumen preliminari / primer kepada pembinaan keluarga sebagai unit asas dan tunjang sesebuah masyarakat. Perkahwinan juga dianggap sebagai langkah permulaan kepada pembentukan keluarga. Secara tradisinya setiap pasangan individu yang ingin memulakan dan membina sebuah keluarga bersama perlu melalui peringkat perkahwinan.

Sebenarnya definisi perkahwinan yang akan dikemukakan adalah hampir sama secara teorinya. Cuma praktikalnya berbeza mengikut budaya, adat, pegangan, di mana dan bila konsep tersebut dipersepsikan oleh pelbagai bangsa di seluruh dunia. Misalnya antropologi Barat mendefinisikan mengikut teori dan hasil kajian dari proses sosialisasi Barat, manakala antropologi Timur khasnya Islam mendefinisikan konsep tersebut mengikut undang-undang Islam yang bersumberkan kitab al-Quran dan al-Hadith dari segi primernya. Ia diwarnai pula dengan adat budaya oleh masyarakat yang diwarisi sejak turun temurun. Namun kedatangan Islam telah mengubah sebahagian dari adat yang bertentangan dengan nilai Islam secara efektif dan komprehensif.

## 2.2 Konsep Perkahwinan dalam Islam

### 2.2.1 Definisi dari Sudut Bahasa dan Istilah

Pelbagai definisi tentang perkahwinan telah diberikan oleh para sarjana (ulama) Islam, antara yang terpilih ialah ; Suatu akad yang menghalalkan pergaulan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan muhrim dan menimbulkan hak serta kewajiban antara kedua-dua mereka.<sup>1</sup>

Manakala dalam pengertiannya yang lebih luas perkahwinan adalah satu ikatan lahir di antara dua orang, lelaki dan perempuan untuk hidup bersama di dalam sebuah rumahtangga di samping melahirkan zuriat sebagai meneruskan kelangsungan hidup manusia menurut batas-batas (disiplin) hak dan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh syarak.<sup>2</sup>

Perkahwinan atau nikah dari segi terminologi (bahasa) ialah himpunan, pengumpulan, percantuman, persetubuhan dan akad.<sup>3</sup> Nikah dari segi bahasa diertikan juga sebagai menindas, setubuh dan senggama.<sup>4</sup> Di kalangan ulama ushul berkembang tiga macam pendapat tentang erti lafaz nikah ; Menurut golongan Hanafi nikah menurut asalnya adalah setubuh dan menurut erti *majazi* (metaforis) adalah akad yang dengan akad ini menjadi halal hubungan kelamin antara lelaki

---

<sup>1</sup> Mat Saad Abd. Rahman, Prof. Madya, Dr. (Oktober 1993), *Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Shah Alam: HIZBI SDN. BHD., hal. 17

<sup>2</sup> *Ibid*, hal. 17-18

<sup>3</sup> Muhammad Qasim al-Ghazzi (1970), *Sharh Fath al-Qarib al-Mujib 'Ala al-Kitab al-Musamma Bi al-Taqrif*, juz. 4, Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi, hal.43

<sup>4</sup> A.W. Munawwir, (2002), *Kamus al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap*, cet. XXV, Surabaya: Pustaka Progressif, hal. 1461. Baca juga Al-Shan'ani, (1995), *Subul al-Salam*, Abu Bakar Muhammad (Terj), Surabaya: Al-Ikhlas, hal. 393.

dan perempuan Manakala menurut golongan Syafi'e pula nikah menurut erti asalnya ialah akad yang dengan akad ini menjadi halal hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan, sedangkan menurut erti *majazi* ialah bersetubuh.<sup>5</sup>

Nikah dari segi syarak(analogi) pula bererti suatu akad yang menghalalkan pergaulan dan membatasi hak-hak kewajipan serta tolong-menolong antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang di antara keduanya bukan mahram.<sup>6</sup> Dari segi syarak pula ialah satu akad yang mengandungi rukun-rukun dan syarat-syarat tertentu<sup>7</sup> untuk mengharuskan pergaulan dan menghalalkan persetubuhan.<sup>8</sup> Menurut Imam Hanafi, nikah merupakan akad yang membolehkan persetubuhan setelah bersatunya suami isteri dalam perkahwinan tersebut.<sup>9</sup>

Perkahwinan sebagai akad perjanjian untuk menyatukan lelaki dan perempuan bagi menghalalkan hubungan kelamin, bertujuan mencapai kebahagiaan yang berkekalan mengikut garis panduan yang ditetapkan syarak. Islam menekankan faktor penerusan zuriat yang halal sebagai tujuan utama perkahwinan.<sup>10</sup>

Al-Bardisi pula mentakrifkan perkahwinan sebagai kontrak yang memberi faedah kepada seseorang dengan tujuan memiliki keseronokan dengan seseorang

---

<sup>5</sup> Abdul Rahman al Jaziri, (t.t), *Al-Fiqh 'Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah*, Juz. IV, Beirut: Dar al - Fikr, hal. 1-3.

<sup>6</sup> Sulaiman Rasjid, H. (1976), *Fiqh Islam*, Jakarta: Penerbit Attahiriyah, hal.355

<sup>7</sup> Muhammad Qasim al-Ghazzi (1970), *op.cit.*, hal.43

<sup>8</sup> Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'e*, jil. 2, cet. 3., Damsyik: Dar al-Qalam, hal. 11. Lihat juga, Al-Sheikh al-Imam al-Shafi'e (2000), *Al-Fiqh al-Wadiah 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafi'ie*, terj. Hj. S'aid Haji Ibrahim, Kuala Lumpur: Dar al-Ma'rifah, Jil. 1, hal 118.

<sup>9</sup> Ibn Hanbal, Ahmad Bin Muhammad, (t.t), *Mu'jam al-Mughni Fi al-Fiqh al-Hanbali*, *Mustakhlis Min Kitab al-Mughni Li Ibn Qadamah*, Juz. 2, Dar al-Fikr, hal. 980

<sup>10</sup> Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari, (2002), *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*, Serdang: Universiti Putra Malaysia, hal. 2

perempuan yang tidak dilarang mengahwininya oleh larangan syarak. Manakala perempuan itu dihalalkan pula melakukan persetubuhan dengan lelaki tersebut.<sup>11</sup> Al-Shaikh al-Sharbini al-Khatib pula menyatakan perkahwinan sebagai kontrak (akad) yang mengharuskan persetubuhan dengan menggunakan lafaz nikah (*tazwij*) atau terjemahannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam.<sup>12</sup>

Perkahwinan juga bukanlah setakat akad sivil untuk memiliki sesuatu seperti akad jual-beli malah ia merupakan akad yang menghalalkan pergaulan di antara lelaki dan perempuan.<sup>13</sup> Maka atas dasar tersebut Profesor Muhammad Abu Zuhrah pula mentakrifkan perkahwinan sebagai satu kontrak yang menghalalkan pergaulan seorang lelaki dengan seorang perempuan yang boleh menolong antara satu sama lain serta menentukan hak dan kewajipan masing-masing.<sup>14</sup>

Melalui definisi-definisi diberikan di atas jelaslah perkahwinan menurut perspektif Islam mempunyai tujuan yang suci dan kesucian itulah yang menjadikannya sebagai satu institusi keagamaan, terutamanya Islam yang menekankan aspek rasional, logik akal serta lebih merupakan agama fitrah. Rasionalnya dan secara fitrahnya manusia tidak akan berkahwin dan membuat undang-undang perkahwinan seandainya ia tidak membawa manfaat dan faedah yang besar kepada kepentingan manusia sendiri. Di situlah letaknya keistimewaan undang-undang Islam dalam mengatur tata cara perkahwinan di mana ia tidak

---

<sup>11</sup> Al-Bardisi, Muhammad Zakaria (1975), *Al-Ahkam al-Islamiyyah Fi al-Ahwal al-Shakhsiyyah*, Kaherah hal.30

<sup>12</sup> Al-Sharbini al-Khatib, Muhammad (1933), *Mughni al-Muhtaj*, Juz.3, Cairo: Matba'ah al-Babi al-Halabi, hal.123. Lihat juga Idris Ahmad, H.(1962), *Fiqh Syafi'e*, Jil.2, Djakarta: Penerbit Widjaya, hal. 254

<sup>13</sup> Abdullah Taib (1985), *op.cit*, hal. 115-117. Lihat juga 'Abdul Rahman al-Sabuni (1972), *Nizam al-Ushrah Wa Hallu Musykilatiha*, Mesir : T.P, hal. 30

<sup>14</sup> Abu Zuhrah, Muhammad (1957), *Al-Ahwal al-Syakhsiyyah*, cet. 3, Cairo : Dar al-Fikr al-'Arabi, hal.18

diatur atau dirangka oleh manusia tetapi datangnya dari sumber Ilahi yang tidak dapat dipertikaikan lagi keabsahannya. Bahkan Islam lebih menjustifikasikan konsep perkahwinan berbanding pandangan antropologi barat. Ini kerana perkahwinan dalam Islam bukanlah hanya berfungsi sebagai memenuhi kehendak biologi semata-mata malah untuk kebaikan kesihatan dan kebaikan sosial. Kebaikan sosial ialah mengikat hubungan kekeluargaan antara dua jantina berbeza, hubungan antara dua keluarga, pertalian darah melalui jalan yang diredhai Allah S.W.T. serta mengasuh dan mendidik anak-anak <sup>15</sup>

### **2.2.2 Rukun dan Syarat-syarat Perkahwinan dalam Islam**

Sesuatu perkahwinan tidak akan berlaku menurut undang-undang Islam<sup>16</sup> tanpa berasaskan beberapa perkara penting yang diistilahkan oleh para ulama sebagai rukun-rukun perkahwinan. Tanpa sebahagian atau salah satunya maka perkahwinan tidak akan wujud. Kesempurnaan serta kesahannya amat bergantung dengan kewujudan semua rukun tersebut.

---

<sup>15</sup> Abdul Jalil Hj. Mohd. Hassan, (1982), *The Islamic Concept of Marriage*, Islamika II, Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, hal. 254

<sup>16</sup> Undang-undang Keluarga Islam yang terpakai di seluruh Malaysia *adalah Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (Akta 1984) dan Negeri Sembilan (Enakmen 7/1984), Kelantan (Enakmen 1/1983), Melaka (Enakmen 8/ 1983), Kedah (Enakmen 1/1984)*, dan lain-lain. Di dalam Undang-undang Keluarga Islam ini terdapat peruntukan-peruntukan mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak dan lain-lain berhubung dengan kehidupan keluarga Islam di seluruh Malaysia.

### 2.2.2(a) Rukun-rukun perkahwinan ada lima iaitu <sup>17</sup>;

Menurut jumhur ulama, akad nikah tersusun pada lima rukun yang mengesahkan nikah tersebut, iaitu : lelaki, perempuan, wali, dua orang saksi dan lafaz akad". Kata Imam Malik : Rukun nikah lima iaitu : wali, mas kahwin (namun tidak disyaratkan menyebutnya dalam akad, suami, isteri dan lafaz akad. Para ulama' Hanafiyah pula berpendapat bahawa rukun nikah itu hanya tiga. Iaitu ; Ijab, Kabul, dan perpautan antara keduanya. (antara ijab dengan kabul itu).<sup>18</sup>

- i- Lafaz ( Ijab Kabul)
- ii- Wali
- iii- Pengantin Lelaki
- iv- Pengantin Perempuan
- v- Dua orang saksi

Setiap rukun di atas diikat dengan beberapa syarat tertentu agar segala-galanya berlaku dengan sempurna. Di situlah letaknya perbezaan antara rukun dan syarat, yang mana syarat merupakan sesuatu yang mesti ada dalam perkahwinan tetapi tidak termasuk salah-satu bahagian daripada hakikat perkahwinan, misalnya syarat wali iaitu lelaki, baligh, berakal dan lain-lain.

---

<sup>17</sup> Mat Saad Abd. Rahman, Prof. Madya, Dr., (Oktober 1993), *op.cit*, hal. 20. Lihat juga, Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal.55

<sup>18</sup> Teungku Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy, Prof. Dr.(1997), *Hukum-hukum Fiqh Islam*, PT Pustaka Rizki Putra, Semarang, hal 222

## 2.2.2(b) Syarat-syarat bagi Setiap Rukun Perkahwinan Islam <sup>19</sup>;

### (i) Syarat-syarat Bagi Ijab dan Kabul :

- Syarat-syarat bagi Ijab
  - Mestilah menggunakan kalimat atau sebutan nikah atau terjemahannya yang tepat.
  - Ijab hendaklah dari wali atau wakilnya.
  - Nikah yang diakad itu bukan buat waktu yang terbatas.
  - Bukan dengan kata-kata sindiran.
  - Bukan dengan cara *ta'liq* (syarat yang masih tergantung)

Contoh lafaz Ijab umpamanya :

*"Ya Osman, Aku nikahkanmu dengan anakku, Hamidah Binti Bidin dengan mas kahwinnya sebanyak 50 ringgit, tunai"*

- Syarat-syarat Bagi Kabul
  - Jangan ada kelengahan masa di antara ijab dan kabul.
  - Sesuai dengan kehendak ijab
  - Dari bakal suami atau wakilnya.
  - Bukan dengan cara *ta'liq*.
  - Bukan dengan kalimat sindiran.
  - Menyebut nama bakal isteri atau ganti namanya.

---

<sup>19</sup> Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 55-58. Lihat juga Osman Bin Jantan, Hj. (2001 M/1421 H), *Pedoman Mu'amalat dan Munakahat (Civil Transaction)*, Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd., hal. 143-146

Contoh lafaz Kabul umpamanya :

*"Aku terimalah nikah Hamidah Binti Bidin dengan mas kahwin sebanyak yang tersebut".*

-Imam Hanafi menambah, lafaz ijab dan kabul antara khatib dengan wali sudah terlaksana dengan bertanya khatib kepada wali, "Adakah engkau hendak menikahkan anak perempuanmu? Dijawab Wali; "Ya," bersama dua orang saksi. Namun tidak sah sekiranya lafaz kabul mendahului ijab.<sup>20</sup>

**(ii) Syarat Bagi Wali <sup>21</sup> ialah :**

- Beragama Islam
- Seorang lelaki
- Baligh lagi berakal
- Waras pemikirannya
- Adil dan tidak fasiq ketika aqad
- Tidak dalam ihram
- Bukan seorang safih atau orang yang dicabut wilayahnya ke atas hartanya sebab *mubazzir dan boros*
- Merdeka bukan sahaya.

---

<sup>20</sup> Ibn Hanbal, Ahmad Bin Muhammad,, (t.t), *op.cit.*, hal. 996

<sup>21</sup> Al-Syafi'e Abi Abdullah Muhammad Bin Idris, Al-Imam Al-Syafi'e, ikhtisar oleh Husain Abd Hamid Nail, (150 M/ 420 H), *Mukhtasar Kitab al-'Umm Fi al-Fiqh*, Juz. 5, Beirut : Dar al-Arqam, hal. 10. Nikah tidak sah jika tanpa wali yang menikahkan atau wakilnya. Sila Lihat, Mustafa al-Khin, Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 61. Sila rujuk syarat-syarat wali pada hal. 63-65



**(iii) Syarat bagi Pengantin Lelaki<sup>22</sup> ialah:**

- Beragama Islam
- Nyata calon itu lelaki
- Lelaki diketahui dan tertentu
- Lelaki itu halal bagi calon isteri
- Lelaki itu mengetahui bahawa calon isterinya halal baginya.
- Lelaki itu tahu dan kenal calon isterinya.
- Tidak mempunyai isteri yang halal dimadukan
- Tidak di dalam ihram haji atau 'umrah
- Tidak sedang mempunyai empat orang isteri
- Tidak dipaksa dan terpaksa<sup>23</sup>

**(iv) Syarat-syarat Bagi Pengantin Perempuan<sup>24</sup> :**

- Beragama Islam atau ahli kitab<sup>25</sup>
- Nyata calon itu wanita dan bukannya khunsa
- Wanita yang halal dikahwini (bukan muhrim)<sup>26</sup>

---

<sup>22</sup> Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *ibid.*, hal.60

<sup>23</sup> Ismail Hj. Ali, Ustaz ( 1997), *Mutiara Fiqih*. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa, hal. 475-476.

<sup>24</sup> Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 59-60

<sup>25</sup> *Ahl al-Kitab* yang dibenarkan dikahwini oleh lelaki Muslim di Malaysia mestilah wanita Yahudi dan Nasrani yang berketurunan Bani Israel daripada Nabi Ya'akob a.s dan memeluk agama mereka sebelum kedatangan Nabi Isa dan Nabi Muhammad S.A.W. Sila rujuk Khadijah Mohd Khambali @ Hanbali, (Julai 1994), *Jurnal Syariah, Perkahwinan Ahl Al-Kitab: Suatu Kajian Hukum*, jil. 2, bil.2, Universiti Malaya: Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, hal. 58.

<sup>26</sup> Wanita yang haram dikahwini iaitu dengan tiga sebab, pertama keturunan (*Nasab*) , kedua susuan (*Rada'*) dan ketiga persemendaan ( *Musaharah*). Haram dengan sebab nasab iaitu haram menikahi ibu ke atas, anak perempuan, saudara, makcik sebelah ayah, makcik sebelah ibu, anak saudara lelaki , anak saudara perempuan. Haram dengan sebab susuan iaitu haram menikahi dengan sebab susuan. Ulama sepakat menetapkan bahawa haram dengan sebab susuan adalah sama seperti haramnya melalui keturunan iaitu ibu susuan, saudara perempuan, anak perempuan, makcik sebelah ayah atau ibu, anak perempuan dari saudara lelaki dan perempuan. Haram dengan sebab persemendaan pula iaitu haram dengan sebab perkahwinan seperti haram mengahwini ibu atau anak dari isteri (anak tiri. Rujuk, Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 26-32

- Wanita yang tertentu<sup>27</sup>
- Wanita yang telah memberikan izin untuk dinikahkan dengan calon suami
- Wanita yang bukan sedang dalam ihram haji atau 'umrah.

**(v) Syarat bagi Dua Orang Saksi<sup>28</sup> ialah ;**

- Beragama Islam
- Lelaki
- Baligh lagi berakal
- Mampu Mendengar dan melihat
- Waras Pemikiran
- Adil tidak fasiq
- Mempunyai marwah
- Dia bukan wali yang melakukan akad nikah
- Faham perkataan ijab dan kabul dan
- Merdeka bukan sahaya.

---

<sup>27</sup> Bukan perempuan yang di dalam *'iddah* dan bukan sedang dalam ikatan perkahwinan dengan orang lain.

<sup>28</sup> Al-Syafi'e Abi Abdullah Muhammad Bin Idris, al-Imam al-Syafi'e, ikhtisar Husain Abd Hamid Nail, *op.cit.*, hal 17. Lihat juga Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 70-72

## 2.2.3 Dalil dan Hukum Perkahwinan dalam Islam

### 2.2.3(a) Sumber Dalil Dari Nas-nas al-Quran dan al-Hadith

Terdapat banyak nas-nas al-Quran dan al-Hadith Rasulullah S.A.W yang menerangkan tentang galakan dan suruhan Islam berhubung perkahwinan terhadap umatnya dengan menggariskan syarat-syarat yang teratur dalam menegakkan konsep perkahwinan Islam secara syumul, universal dan berhikmah. Antaranya, Firman Allah S.W.T:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَّامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنَّ  
يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

*“Dan kahwinkanlah orang-orang yang bersendirian di antara kamu dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan hamba-hamba sahayamu yang perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memampukan mereka dengan kurniaNya. Dan Allah Maha Luas (pemberianNya) lagi Maha Mengetahui.”*

Surah al-Nur (24) : 32

Ayat di atas jelas menerangkan galakan berkahwin ke atas umat Islam. Ia menjelaskan juga bahawa kemiskinan bukanlah penghalang untuk berkahwin kerana keperluan kepada pasangan hidup adalah perlu selama mana keadaan jasmani seseorang itu berkemampuan. Firman Allah S.W.T lagi :

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ  
 مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثَلَاثَ وَرُبْعَ ۚ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ  
 مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ ۗ أَلَّا تَعُولُوا ﴿٣﴾

*“Maka kahwinilah wanita yang kamu senangi, dua, tiga dan empat. Maka jika kamu takut tidak dapat berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja.”*

Surah al-Nisa’ (4) : 3

Ayat tersebut merupakan dalil atau sumber yang kukuh dan telus dalam perundangan hukum Islam mengenai galakan supaya umatnya berkahwin.<sup>29</sup> Kaum lelaki disuruh memilih seorang, dua, tiga dan empat untuk dijadikan isteri. Jika lelaki tersebut tidak mampu untuk menunaikan kewajipan atau tanggungjawab sebagai suami dan takut tidak dapat melaksanakan keadilan sekiranya mempunyai beberapa orang isteri, maka Islam menghendaki mereka berkahwin dengan seorang perempuan sahaja. Seterusnya Allah S.W.T telah berfirman dalam Kitab al-Qur’an:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَّتِمَّٰةَ مِنكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنْ  
 يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

*“Dan kahwinilah orang-orang yang sendirian (janda) di antara kamu dan hamba sahaya lelaki dan perempuan yang patut”*

Surah al-Nur (24) : 32

<sup>29</sup> Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal.13

Firman Allah S.W.T lagi dalam menggalakkan berkahwin ialah

sebagaimana berikut:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

*" Dan di antara tanda-tanda (KekuasaanNya) ialah bahawa Dia menciptakan jodoh untuk kamu daripada diri kamu(bangsa kamu) supaya kamu bersenang-senang kepadanya, dan Dia (Allah) mewujudkan sesame kamu kasih sayang dan rahmat. Sesungguhnya tentang demikian itu menjadi tanda bagi kaum yang memikirkan."*

Surah al-Rum (30) : 21

Di samping suruhan dan galakan terus melalui firman Allah dalam al-Quran, terdapat banyak hadith Rasulullah S.A.W yang turut menerangkan galakan berkahwin ke atas umatnya. Antaranya daripada ‘Abdullah bin Mas’ud, sabda Rasulullah S.A.W:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُّ  
لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ  
وِجَاءٌ

*“Wahai para pemuda, sesiapa yang berupaya di kalangan kamu untuk berkahwin, maka hendaklah ia berkahwin sebab perkahwinan itu lebih menundukkan pandangan dan lebih menjaga kehormatan.Dan barangsiapa yang tidak berkemampuan, hendaklah ia berpuasa kerana puasa itu menjadi perisai baginya.”*

30

<sup>26</sup> Muhammad b. Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari al-Ja'fiy,(1987), *Sahih al-Bukhari, Bab Man Lam Yastati' al-Ba'ah Falyasum*, no. hadith 4779, juz. 5, cet. 3, Beirut : Dar Ibn Kathir al-Yamamah, hal. 1950. Lihat juga Ibn Hajar al-'Asqalani (1933), *Bulugh al-Maram Min Adillati al-Ahkam*, cet. 2, Mesir: Matba'ah al-Rahmaniah, hal. 200. Lihat juga Al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali (t.t), *Nail al-Autar*, juz.5, cet. terakhir, Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, hal.113.

Hadith ini menyarankan kepada kaum pemuda yang berkemampuan dari segi zahir dan batin supaya berkahwin. Bagi mereka yang tidak berkemampuan pula digalakkan supaya berpuasa kerana puasa akan dapat menjadi pendinding atau perisai bagi mengelakkan individu tersebut daripada melakukan perbuatan maksiat, apalagi perbuatan zina yang dilaknat Allah S.W.T.

Perkahwinan juga merupakan salah satu amalan ataupun sunnah yang diamalkan oleh para Nabi. Daripada Ayyub r.a sabda Rasulullah S.A.W:

أَرْبَعٌ مِنْ سُنَنِ الْمُرْسَلِينَ الْحَيَاءُ وَالتَّعَطُّرُ وَالسَّوَاكُ وَالنِّكَاحُ

*“Empat perkara daripada sunnah para Rasul ialah bersifat malu, memakai wangi-wangian, bersuci dan berkahwin”.*<sup>31</sup>

Seterusnya, Rasulullah S.A.W pernah menjawab pertanyaan beberapa orang sahabat berkenaan ibadah baginda sepertimana yang telah diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a, sabda Rasulullah S.A.W:

---

(Terdapat perbezaan lafaz di antara hadith-hadith yang diriwayatkan oleh para perawi. Namun begitu ke semuanya mempunyai maksud yang sama).

<sup>31</sup> Muhammad b. Abu 'Isa al Tirmizi al-Sulami, (t.t), *Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Nikah A'n Rasul Allah Salla Allah A'laihi Wasallam, Bab Ma Ja'a Fi Fadl al-Tazwij Wa al-Haththu 'Alaih*, no. hadith 1080, juz. 3, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, hal. 391. Lihat juga Mansur 'Ali Nasif, Ash-Shaikh (1961), *Al-Taj al-Jami' Li al-Usul Fi Ahadith Al-Rasul S.A.W.*, juz. 2, cet. 3, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, hal. 278. Lihat juga Al-Marbawi, Muhammad Idris 'Abdul Ra'uf (1937), *Mukhtasar Sahih al-Turmudhi Wa Sharhuhu Bi Lughat al-Jawi al-Malayu, al-Musamma Bahr al-Madhi*, juz.8, Mesir; Mustafa al-Babi al-Halabi, hal. 28.

لَكِنِّي أَصُومُ وَأَفْطِرُ وَأُصَلِّي وَأَرْقُدُ وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ  
عَنْ سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي

*“...Akan tetapi aku berpuasa dan berbuka, aku melakukan solat dan tidur dan juga menikahi wanita. Barangsiapa yang tidak suka terhadap sunnahku, maka dia tidak termasuk umatku”.*<sup>32</sup>

Kebanyakan dari kalangan umat Islam kini seringkali menggunakan hadith ini sebagai alasan atau ‘tiket’ mengakui umat Rasulullah S.A.W tetapi tidak pada galakan lain yang berbentuk wajib. Sebagai umat Islam yang benar-benar memahami dan menghayati Islam, hendaklah mengubah pemikiran yang terlalu mengambil mudah dan sikap sambil lewa di dalam menjalankan ajaran dan suruhan Allah S.W.T.

### **2.2.3(b) Hukum Perkahwinan dalam Islam**

Perkahwinan itu hukumnya sunat menurut kebanyakan (jumhur) ulama’. Islam telah membahagikan hukum perkahwinan kepada lima bahagian<sup>33</sup> iaitu harus, wajib, sunat, makruh dan haram. Manakala sebahagian lagi mengatakan Sunat dan sebahagian lain mengatakan Harus. Segolongan pula mengatakan wajib. Bagi mereka, pertimbangan yang diambil kira ialah kebimbangan terjerumus kepada

<sup>32</sup> Al-Bukhari,(1987) *Kitab al-Nikah, Bab Ma Ja’a Fi Fadl al-Tazwij Wa al-Haththu ’Alaih*, no. hadith 1080, juz. 5, cet.3, Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath al-’Arabiyy, hal.1949. Lihat juga Al-Kahlani, Muhammad bin Isma’il (1960), *Subul al-Salam*, juz.3, cet.4, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-’Arabi, hal. 110.

<sup>33</sup> Sayyid Sabiq, (1365H), *Fiqh al-Sunnah*, Jeddah: Maktabah al-Khadamat al-Hadithah, Jil. 2, hal. 141-143

perzinaan.<sup>34</sup> Adapun khilaf yang berlaku adalah daripada pemahaman tentang lafaz (*sighah*) perintah (*amar*) pada ayat 3 surah al-Nisa' :

فَاتَكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ

- Dan juga Hadith Riwayat Ibnu Majah:

وَتَزَوَّجُوا فَإِنِّي مُكَاتِرٌ بِكُمْ النَّامِ

Ia juga berkaitan tentang pemahaman Khabar-khabar *warid* yang merujuk kepada hukum wajib, harus dan sunat.<sup>35</sup> Pembahagian hukum perkahwinan menurut jumhur ulama' dihuraikan seperti berikut :

( i ) **Harus :**

Harus pada Syara' iaitu tidak mendatangkan dosa mahupun pahala jika seseorang itu tidak berkahwin. Ini adalah asal hukum nikah kahwin.<sup>36</sup> Begitu juga harus berkahwin bagi mereka yang tidak ada halangan untuk berkahwin dan tidak ada pula sesuatu perkara yang mendorongnya untuk berkahwin.<sup>37</sup> Demikian menurut imam Syafi'e dengan menambah, adalah harus hukumnya berkahwin tetapi beribadat adalah lebih afdal bagi orang yang tidak berhajat berkahwin seperti disebabkan dia tidak berkeinginan melakukan persetubuhan tetapi mampu dari segi perbelanjaan dan tidak

<sup>34</sup> Al-Qurtubiy, (1996), *Bidayah al-Mujtahid Wa al-Nihayah al-Muqtasid*, juz 4, Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah, Beirut, Lubnan, hal 197-198

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> Asiah 'Ali (Mac 1999), *Pendidikan, Kekeluargaan dan Perjuangan*, Kuala Lumpur : Penerbitan Muttaqin Sdn. Bhd., hal. 87-88.

<sup>37</sup> Disusun oleh Unit al-Quran, Sunah dan Tafsir, Pusat Penyelidikan Islam (1994), *Tanggungjawab Iubapa dan Anak Menurut Al-Quran Dan Sunnah*, Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hal. 13-14.



berpenyakit. Menurut pendapat al-Nawawi, jika dia bukan ahli ibadat adalah lebih utama baginya berkahwin supaya tidak mendatangkan keburukan pada masa lapangnya.<sup>38</sup> Imam Hanafi pula menambah, jika tiada padanya syahwat atau ada padanya syahwat namun sudah tua atau sakit dan sebagainya maka di situ ada dua pendapat iaitu, digalakkan berkahwin dan kedua beribadah adalah lebih baik baginya.<sup>39</sup>

( ii ) **Sunat :**

Sunat, jika seseorang lelaki berkemampuan (zahir dan batin), mempunyai keinginan (nafsu syahwat) tetapi masih dapat mengawalinya dan menjaga diri jika tidak berkahwin. Jika lelaki ahli ibadat disunatkan berkahwin demi mengawal agama, keturunan dan mencari kebaikan. Disunatkan juga bagi perempuan yang ingin berkahwin sama ada kerana keinginannya sendiri ataupun keperluan nafkah hidup atau takut kepada ancaman orang jahat atau kerana dia bukan ahli ibadat, tetapi dengan perkahwinan dia dapat mengawal keagamaannya serta kehormatannya.<sup>40</sup> Menurut Imam Hanafi pula adalah lebih afdal berkahwin daripada amalan ibadah sekiranya ada padanya syahwat yang dikhuatiri menjerumuskan dirinya kepada bahaya (zina).<sup>41</sup>

---

<sup>38</sup> Sulaiman Endut (1999), *Perkahwinan* (Siri Minda Utusan), Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hal. 13.

<sup>39</sup> Ibn Hanbal, Ahmad Bin Muhammad,, (t.t), *op.cit.*, hal. 980

<sup>40</sup> Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 18. Lihat juga Sulaiman Endut (1999), *op.cit.*, , hal. 13.

<sup>41</sup> Ibn Hanbal, Ahmad Bin Muhammad,, (t.t), *op.cit.*, hal. 98

**( iii ) Wajib <sup>42</sup> :**

Wajib apabila seseorang lelaki telah berkemampuan dan mempunyai keinginan (nafsu syahwat) yang tidak boleh dikawal. Sekiranya tidak berkahwin dibimbangi ia akan melakukan zina <sup>43</sup> dan terjerumus kepada kebinasaan. <sup>44</sup> Menurut pendapat jumbuh ahli zahir(yang berpegang pada zahir hadith) nikah adalah Wajib. Manakala para ulama' yang terkemudian (*Muta'akhirin*) daripada golongan Maliki berpendapat ia adalah sebagai 'hak'. Segolongan pula mengatakan bahawa hak itu sebagai Wajib.

**( iv ) Makruh ;**

Makruh, jika seseorang itu mempunyai keinginan (nafsu syahwat) tetapi tidak berkemampuan dari segi kewangan. Begitu juga hukum makruh berkahwin jika seseorang itu takut atau khuatir akan menzalimi bakal isteri dalam pergaulan, kalau ia berkahwin <sup>45</sup>. Sedangkan hukumnya haram jikalau ia yakin. Menurut Imam Syafi'e lagi makruh juga sekiranya tidak berhajat

---

<sup>42</sup> Di dalam keadaan-keadaan tertentu hukum berkahwin boleh dianggap sebagai suatu kewajipan yang mesti dilakukan . Dalam istilah sesetengah fuqaha' menganggap apa-apa yang dituntut oleh syara' terhadap orang-orang mukallaf melakukannya dengan cara termesti dinamakan wajib atau fardhu tanpa membezakan kedua-duanya melainkan dalam ibadat Haji. Wajib dan Fardhu ialah perkara yang mesti dilakukan. Bagi mazhab Hanafi sebagai perbezaan hukum fardhu dan wajib ialah sekiranya seseorang itu takut jatuh berzina kalau tidak kahwin maka hukumnya menjadi wajib, tetapi sekiranya yakin berzina sedangkan sudah berkemampuan hukumnya adalah fardhu. Sila Rujuk Abdul Jalil Bin Mohd. Hassan, Prof. Madya, Dr., (September 1993), *Perkahwinan Dalam Islam, Berdasarkan Kepada Dalil, Hukum, Hikmat dan panduan Kebahagiaan*, Kuala Lumpur: A.S Noordeen, hal. 26

<sup>43</sup> Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 17-19

<sup>44</sup> Ibn Hanbal, Ahmad Bin Muhammad, *Op.cit.*, (t.t), hal. 980

<sup>45</sup> Umar 'Abd Allah (1961), *Ahkam al-Syari'yyah al-Islamiyyah Fi Ahwal al-Shakhsiiyyah*, cet. 3, Mesir: Dar al-Ma'arif, hal.30-31

untuk berkahwin sedangkan ia sakit, tidak berkemampuan dari segi nafkah, mahar dan sebagainya.<sup>46</sup>

**( v ) Haram ;**

Haram berkahwin bagi orang yang berkeyakinan tidak akan dapat melaksanakan kewajipan sebagai seorang suami. Sekiranya ia berkahwin ia akan melakukan kezaliman kepada isterinya. Misalnya seorang lelaki mengahwini wanita untuk dijadikan pelacur bagi mendapatkan sumber kewangan.<sup>47</sup> Begitu juga orang yang dihindangi penyakit perempuan ia belum berubat. Seterusnya haram berkahwin bagi lelaki yang sudah beristeri serta mempunyai beberapa orang anak sedang dia sendiri sakit dan tidak dapat mencari nafkah dan haram jika lelaki itu Muslim tetapi bakal isterinya kafir musyrik yang menyembah berhala kecuali wanita itu menganut Islam ataupun ahli kitab.<sup>48</sup>

Berdasarkan kepada penjelasan tersebut di atas maka sewajarnya ia menjadi pedoman kepada setiap individu muslim sama ada yang belum berkahwin ataupun sudah untuk memikirkan dan membetulkan hasrat dan matlamat perkahwinan supaya dapat menepati garisan yang telah ditetapkan oleh Islam.

Walaupun perkahwinan pada asalnya dihukumkan harus tetapi umat Islam umumnya digalakkan berkahwin seperti mana sabda Nabi S.A.W berikut:

---

<sup>46</sup> Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 18

<sup>47</sup> Umar 'Abd Allah (1961), *ibid*, hal.14.

<sup>48</sup> Osman Bin Jantan, Hj. (2001), *op.cit*, hal.136.

## لَا رَهْبَانِيَّةَ فِي الْإِسْلَامِ

*“Tidak ada kehidupan seperti rahib di dalam Islam”*<sup>49</sup>

Hadith di atas secara tidak langsung mengarahkan ke semua umat Islam supaya berkahwin kerana hidup membujang seperti rahib itu bukanlah merupakan cara hidup Islam sebenarnya.

### 2.2.4 Objektif Perkahwinan dalam Islam

- i. Memelihara keturunan dan menjamin berkembang serta berkekalan zuriat umat manusia yang beriman mengikut landasan yang betul.<sup>50</sup>

Pada dasarnya pengekalan kehidupan manusia dan kebudayaan serta penerusan peranan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini bergantung kepada berkesannya jentera yang menjamin pembiakan manusia agar tidak pupus<sup>51</sup>. Segala sesuatu yang berkaitan dengan proses pembiakan memerlukan kepada wujudnya satu struktur dan sistem yang stabil bagi menjamin proses tersebut berjalan lancar, baik dan sempurna. Justeru manusia memerlukan satu

---

<sup>49</sup> Muhammad b. Ahmad b. Abi Bakr b. Farh al-Qurtubiy Abu 'Abd Allah, (1372), *Tafsir al-Qurtubiy*, juz 18, cet 2, Kaherah : Dar al-Sya'ab, hal 87. Lihat juga Al-Shaukani, 6:118

<sup>50</sup> Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari, ( 2002), *op.cit.*, hal. 2. Lihat juga, Mat Saad Abd. Rahman, Prof. Madya, Dr. (Oktober 1993), *op.cit.*, , hal. 17

<sup>51</sup> Wahbah al-Zuhaili, Dr., (1989), *Al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*, juz 2, cet. 3, Dar al-Fikr, Damsyik, hal. 56

institusi yang tetap dan berkekalan untuk memenuhi tujuan tersebut secara global. Maka hanya sistem kekeluargaan ini yang mampu mengendalikan urusan tersebut dengan mantap, selamat dan lebih tersusun.

Melalui perkahwinan yang sah dapat diharapkan memperoleh keturunan yang sah dalam masyarakat sehingga kelangsungan hidup dalam keluarga dan keturunannya dapat berkembang terus secara jelas dan bersih.<sup>52</sup>

ii. Memenuhi dan menyempurnakan tuntutan hawa-nafsu mengikut jalan yang diredhai Allah S.W.T serta menyelamatkan manusia daripada kejahatan nafsu syahwat<sup>53</sup> dan memelihara manusia dari perkara yang haram<sup>54</sup>.

Melalui perkahwinan Islam tuntutan hawa nafsu dan naluri seks dapat disalurkan secara sah. Andaikata tidak ada saluran yang sah, sudah pastinya manusia banyak melakukan perbuatan-perbuatan yang menimbulkan perkara-perkara yang tidak baik dalam masyarakat. Jika manusia dalam usaha memenuhi hajat naluri seks dengan saluran tidak sah dan dilakukan terhadap sesiapa sahaja maka keadaan manusia itu tidak ubah seperti haiwan malah lebih teruk lagi. Implikasinya terhadap masyarakat sendiri akan menjadi kacau bilau dan rosak binasa dengan lahirnya zuriat-zuriat yang tidak sah melalui hubungan luar nikah tadi. Jelas sekali perkahwinan adalah peraturan Allah SWT untuk menyekat

---

<sup>52</sup> *Hukum Perkahwinan Islam dan Undang-undang Perkahwinan (Undang-undang No. 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan)*, ( 1986 ), cet. 2, Yogyakarta: LIBERTY, hal. 4

<sup>53</sup> Al-Bardisi, Muhammad Zakaria (1975), *op.cit.*, hal.30

<sup>54</sup> Wahbah al-Zuhaili, Dr., (1989), *op.cit.*, hal. 57

pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan yang boleh membawa kepada perbuatan zina. Zina adalah perbuatan keji yang dikutuk oleh Allah SWT kerana ia boleh membawa kesan buruk kepada pertumbuhan sosial dan merosakkan zuriat serta keturunan secara berpanjangan.

- iii. Mewujudkan satu ikatan kekeluargaan yang kukuh, mantap dan berkekalan berasaskan kasih sayang dan kerahmatan Allah S.W.T.<sup>55</sup>

Relitinya keluarga merupakan struktur asas bagi keseluruhan sistem sosial dan kebudayaan dalam Islam. Ia merupakan satu institusi yang menjamin kestabilan sosial dan kebudayaan masyarakat keseluruhannya.<sup>56</sup> Sehubungan itu, Muhammad Ali dalam bukunya "*De Relegie Van Den Islam*" mengatakan keluarga yang merupakan kesatuan yang nyata dari bangsa-bangsa manusia, yang menyebabkan terciptanya peradaban hanyalah mungkin diwujudkan dengan perkahwinan. Tanpa perkahwinan tidak ada keluarga dan dengan sendirinya tidak ada unsur-unsur yang mempersatukan bangsa manusia. Sebagai kelanjutannya tidak ada peradaban. Hanya dengan keluarga dapat tersusun bangsa-bangsa manusia dan dengan keluarga itu pula terciptanya peradaban."<sup>57</sup>

Maka jelas bahawa hubungan antara ahli-ahli dalam keluarga khususnya dalam hubungan suami isteri bukanlah hubungan fizikal semata-mata bahkan lebih daripada itu. Keluarga dalam Islam berperanan penting sebagai pusat mengembangkan kasih sayang, kebaikan, perlindungan, kehormatan, saling

---

<sup>55</sup> Abdul Jalil Hj. Mohd. Hassan, (1982), *op.cit.*, hal. 254. Lihat juga, Muhammad Rasyid Rida, (1987), Afif Muhammad, (terj.) *op.cit.*, hal. 20-22

<sup>56</sup> Khurshid Ahmad, Prof. (t.t), *Family Life In Islam*, hal. 18-28.

<sup>57</sup> *Hukum Perkahwinan Islam dan Undang-undang Perkahwinan (Undang-undang No. 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan)*, ( 1986 ),*op.cit.*, hal. 17

mempercayai antara satu sama lain, pengorbanan, perkongsian dan sebagainya. Semua perkara ini hendaklah berlandaskan kepada kekuatan-kekuatan rohani. Sepertimana Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya bahawa Ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya. Dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir".*

Surah al-Rum (30) : 21

Jelas bahawa peranan institusi keluarga sebagai unit-unit kecil dalam masyarakat bukan sekadar dalam pusingan ahli keluarga semata-mata bahkan berperanan penting sebagai pemangkin masa depan negara dengan terbentuknya anak-anak yang bakal memimpin negara serta menjana perkembangan peradaban bangsa, agama dan negara. Oleh itu Allah SWT mendorong supaya umat Islam saling memelihara ahli keluarga melalui didikan agama yang kukuh untuk menghindari mereka dari terjerumus ke lembah kebinasaan (neraka jahanam) :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

*" Peliharalah diri dan ahli keluargamu dari api neraka"*

Surah al-Tahrim (66) : 6

Suruhan ini sangat penting dalam mencorak pembentukan keluarga sebagai asas pengukuhan masyarakat global. Semua ini akan tercapai melalui perasaan kasih sayang dan kerahmatan yang disemai oleh Allah SWT kepada setiap ahli keluarga tersebut:

- iv. Mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengurusan dan tanggungjawab serta metode berinteraksi di dalam keluarga dan masyarakat, melalui kerjasama yang menguatkan hubungan kekeluargaan dan masyarakat.<sup>58</sup>

Melalui sistem perkahwinan akan meningkatkan rasa tanggungjawab dan berusaha di kalangan kaum lelaki dan wanita. Sebagai contoh kaum lelaki akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kedudukan ekonomi mereka bagi tujuan memenuhi hak-hak orang yang berada di bawah tanggungan dan jagaannya. Selain itu, seseorang yang berkahwin dapat bermujahadah dan melatih dirinya dengan menjalankan pentadbiran dan pengurusan, menjaga dan menjalankan tanggungjawab terhadap ahli keluarganya. Islam menggalakkan perkahwinan dan menyeru supaya berkahwin dengan penuh keimanan kepada Allah. Ini kerana selalunya perkahwinan itu sendiri akan memperbaiki keadaan yang sulit. Melalui perkahwinan si suami akan bekerja bersungguh-sungguh memperbaiki kedudukan ekonomi, menghadapi cabaran dan tanggungjawab secara lebih telus dan si isteri pula membantu memelihara perbelanjaan keluarga. Keadaan ini telah dijelaskan di dalam al-Quran:

---

<sup>58</sup> Fadhilah Sarnap,(2001), *Pembinaan Sistem Kekeluargaan Islam*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, hal.141. Wahbah al-Zuhaili, Dr., (1989), *op.cit.*, hal. 58



وَأَنْكِحُوا الْأَيَّامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنَّ  
يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

*“Dan kahwinilah orang-orang yang sendirian di antara kamu dan hamba sahaya lelaki dan perempuan yang patut. Jika mereka miskin Allah akan memampukan mereka dengan kurniaNya. Dan Allah Maha Luas (pemberianNya) lagi Maha Mengetahui.”*

Surah al-Nur (24) : 32

- v. Mendirikan keluarga, mengukuh dan memperluaskan ikatan kekeluargaan serta mengukuhkan hubungan di kalangan anggota masyarakat.<sup>59</sup>

Rumahtangga dan sistem kekeluargaan sebenarnya merupakan asas kepada pembentukan sebuah masyarakat yang baik dan harmoni. Ini kerana masyarakat yang baik jelas terbina daripada keluarga yang terdidik dengan baik. Ini terbukti kepincangan dalam sesebuah masyarakat adalah berpunca daripada keretakan sesebuah rumahtangga. Justeru syariat Islam melalui sistem perkahwinan Islam mewujudkan rukun kekeluargaan (*Nizam al-Usrah*) bagi menjamin kewujudan sebuah rumahtangga yang aman damai dan rukun tenteram. Faktor ikatan kekeluargaan ini amat penting bagi menjamin kelangsungan terhadap melahirkan generasi masyarakat yang terdidik dengan roh Islam dan mampu pula mengamalkan nilai-nilai Rabbani di dalam kehidupan mereka. Firman Allah S.W.T:

<sup>59</sup> Muhammad 'Ali, Maulana (1938), *The Religion Of Islam*, Lahore, hal. 602-604. Lihat juga, Wahbah al-Zuhaili, Dr., (1989), *op.cit.*, hal. 58

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَنِينَ  
وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ أَفَبِالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَتِ اللَّهِ هُمْ  
يَكْفُرُونَ ﴿٧٧﴾

*"Allah menjadikan bagi kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri dan menjadikan bagi kamu dari isteri kamu itu anak, cucu dan memberi rezeki dari yang baik."*

Surah al-Nahl (16) : 72

Jelas institusi kekeluargaan dalam Islam berfungsi memperluaskan ikatan kekeluargaan di kalangan umat manusia. Hubungan kaum kerabat ini merangkumi pelbagai kumpulan dan etnik dalam masyarakat seperti antara keluarga-keluarga, bangsa-bangsa dan negara-negara. Sabda Rasulullah S.A.W yang membawa maksud; *"Ikatan perkahwinan itu (antara dua keluarga dan bangsa) akan menambah dan mempererat tali persaudaraan dari segala sesuatu."* Perluasan ikatan ini penting untuk mempererat lagi ikatan antara seluruh manusia berlandaskan landasan keimanan dan ketaqwaan secara total kepada Allah S.W.T.

Di dalam perkahwinan Islam turut dikemukakan beberapa peraturan dan penyelesaian yang dinamakan perceraian atau pembubaran ikatan perkahwinan. Namun proses tersebut hanya akan berlaku sekiranya ia benar-benar tidak dapat diteruskan dan jika masih diteruskan hanya akan menambahkan lagi kemudharatan di dalam institusi keluarga dan masyarakat. Namun semuanya terikat dengan syarat dan peraturan yang ketat berdasarkan punca permasalahan berlaku.

### 2.2.5 Tujuan dan Matlamat Perkahwinan dalam Islam

Rumahtangga Islam dibina adalah berpaksikan ikatan perhubungan jiwa dan emosi yang suci serta luhur, tidak berpura-pura dan 'berudang di sebalik batu'. Rumahtangga yang dibina hendaklah berasaskan ketaqwaan, pasangan suami isteri yang saling menghormati dan melindungi antara satu sama lain. Begitu juga pergaulan yang baik di antara suami isteri seterusnya akan melahirkan rasa tanggungjawab dan kebersamaan di dalam mengendalikan sesebuah rumahtangga. Antara matlamat dan tujuan perkahwinan Islam ialah <sup>60</sup>:

- i. Untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T di samping meramaikan zuriat, menjaga maruah, memperdekatkan saudara yang jauh, mengharmonikan masyarakat dan menjadi individu yang lebih bertanggungjawab. Sebagaimana daripada Abu Hurairah r.a beliau menceritakan bahawa Rasulullah S.A.W pernah bersabda :

**ثَلَاثَةٌ حَقٌّ عَلَى اللَّهِ عَوْنُهُمُ الْمَجَاهِدُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُكْتَبُ  
الَّذِي يُرِيدُ الْأَدَاءَ وَالنَّكَاحُ الَّذِي يُرِيدُ الْعَقَافَ**

*"Tiga orang lelaki yang pasti Allah akan memberi perlindungan kepada mereka, orang yang berjihad ke jalan Allah, hamba yang muslim yang berhasrat untuk menebus dirinya dan orang yang ingin berkahwin di atas hasrat untuk menghindarkan dirinya dari melakukan maksiat."* <sup>61</sup>

<sup>60</sup> Asiah 'Ali, (Mac 1999), *Pendidikan, Kekeluargaan dan Perjuangan*, Kuala Lumpur : Penerbitan Muttaqin Sdn. Bhd., hal, 84-87.

<sup>61</sup> Muhammad b. Abu 'Isa al-Tirmidhi al-Sulami, (t.t), *Sunan al-Tirmidhi, Bab Ma Ja'a Fi al-Majahid Wa al-Nikah Wa al-Makatib Wa A'una Allah Iyyahum*, no. Hadith 1655, juz. 4, Beirut : Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, hal. 184

- ii. Untuk membentuk sebuah keluarga yang harmoni, berkasih sayang, tolong menolong di antara satu sama lain. Rumahtangga sebegini akan merupakan asas kukuh pembentukan sebuah masyarakat yang baik dan gemilang. Sebagaimana firman Allah S.W.T menjelaskan:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ جُلُودِ الْأَنْعَامِ بُيُوتًا  
تَسْتَخِفُّونَهَا يَوْمَ ظَعْنِكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَابِهَا وَأَوْبَارِهَا  
وَأَشْعَارِهَا أَثْنَا وَمَتَعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٨٠﴾

*"Dan Allah menjadikan bagimu rumah-rumahmu sebagai tempat tinggal bagi mendapatkan ketenangan."*

Surah al-Nahl (16) : 80

- iii. Menambahkan lagi kekuatan rohani, khusyuk dalam beribadah serta pengabdian diri kepada Allah S.W.T. Menerusi perkahwinan dapat mententeramkan perasaan berahi yang membara dalam jiwa manusia. Begitu juga dapat mendamaikan kerunsingan-kerunsingan kejiwaan kerana segala permasalahan hidup dapat dikongsi bersama dengan pasangan masing-masing. Sabda Rasulullah SAW :

رَكْعَتَانِ مِنْ مُتَأَهِّلٍ خَيْرٌ مِنْ سَبْعِينَ رَكْعَةً مِنْ غَيْرِ مُتَأَهِّلٍ

*"Dua rakaat sembahyang dari orang yang telah berumah tangga lebih baik daripada sembahyang orang yang masih belum berumahtangga."<sup>62</sup>*

<sup>62</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad Bin 'Abd al-Wahid Bin Ahmad al-Hanbali al-Maqdisi (1410), *Al-Ahadith al-Mukhtarah*, juz. 6, Makkah al-Mukarramah : Maktabah al-Nahdah al-Hadithah, hal. 110

- iv. Mengamalkan sunnah dan syari'at Islam yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW serta dapat membina masyarakat manusia selaras dengan naluri semulajadi manusia. Sabda Rasulullah SAW :

مَنْ رَغِبَ عَنِ سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي وَأَنْ مِنْ سُنَّتِي النِّكَاحُ فَمَنْ  
أَحَبَّنِي فَلَيْسَتْ بِسُنَّتِي

*"Orang yang tidak menyukai sunnahku, bukanlah termasuk umatku dan salah satu sunnahku ialah perkahwinan. Maka barangsiapa menyintaiku hendaklah melakukan sunnahku."*<sup>63</sup>

#### 2.2.6 Bentuk-bentuk Perkahwinan Menurut Perspektif Islam

Realitinya, bentuk perkahwinan manusia yang terdapat di seluruh dunia ditumbuhkan oleh adat berdasarkan keadaan sosial dan pengalaman (*experience*). Pengalaman tersebut diwarisi pula oleh satu generasi ke generasi yang lain. Berbeza dengan Islam, perkahwinan diturunkan sebagai perundangan dari Allah (S.W.T) dan masyarakat Islam wajib menyesuaikan tata cara perkahwinannya menurut batasan syariat Islam yang telah diturunkan.<sup>64</sup>

Justeru di dalam Islam mencanangkan bentuk perkahwinan yang fleksibel untuk semua masyarakat iaitu monogami dan poligami. Pada prinsipnya, bentuk perkahwinan Islam ialah seorang isteri bagi seorang suami (monogami) kerana ia adalah bersesuaian dengan tabiat semulajadi manusia yang bersifat normal. Sudah menjadi fitrah semulajadi manusia hidup berpasang-pasangan dan bahagia serta

<sup>63</sup> 'Ali Bin Abi Bakr al-Hathainiy, (1407), *Majmu' al-Zawaid*, juz. 4, Al-Kaherah : Dar al-Rayyan Li-Turath: hal. 252

<sup>64</sup> Sidi Ghazalba, Dr., (1981), *Di Ambang Pintu Perkahwinan*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hal. 34

rukun damai sepanjang hayat. Malah jika dilihat Rasul SAW sendiri mempunyai seorang isteri sahaja bagi satu tempoh masa yang panjang iaitu dari umurnya 25 tahun ketika berkahwin dengan Saidatina Khadijah r.a sehinggalah baginda mencapai umur 50 tahun apabila Saidatina Khadijah wafat <sup>65</sup>.

Manakala bentuk perkahwinan kedua yang turut diiktiraf oleh Islam ialah poligami iaitu perkahwinan seorang lelaki dengan lebih dari seorang wanita. Perlu diketahui poligami dalam Islam hanya dibolehkan dalam keadaan tertentu sahaja. Di sini Islam menetapkan poligami tidak boleh lebih dari empat orang wanita sahaja dengan diiringi syarat-syarat tertentu. Kajian ini lebih merupakan perbincangan berhubung institusi perkahwinan sebagai asas pembentukan ummah bukannya berkait poligami. Islam mengakui prinsip perkahwinan poligami kerana ia mempunyai maslahat kemasyarakatan. Tidak dinafikan terdapat lelaki yang tidak boleh menahan nafsunya, maka Islam mengharuskan poligami bukan sahaja sebagai jalan keluar kepada orang-orang seperti ini tetapi untuk melindungi wanita daripada keganasan dan kebuasan yang mungkin dilakukan ke atasnya. Islam mahu melindungi wanita daripada risiko pengguguran anak haram kerana hubungan luar nikah, kesahataran seseorang anak dan mahu menjadikan sebagai isteri yang sah dan mempunyai hak dalam semua keadaan <sup>66</sup>. Justeru, lelaki Muslim mempunyai suatu tanggungan di sisi undang-undang yang lengkap ke atas isteri-isteri dan anak-anak mereka. <sup>67</sup>

---

<sup>65</sup> B.Aisyah Lemu dan Fatima Heeren, (1978), *Women In Islam*, England: Islamic Council of Europe, hal.27.

<sup>66</sup> Afif Ab. Fattah Tabbarah (1978), *Wanita dan Keluarga dalam Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), hal.28-29

Apapun bentuk perkahwinan penganut agama Islam, ianya hendaklah didaftarkan di Jabatan agama Islam yang tertakhluk dengan hukum dan Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri dan persekutuan.<sup>68</sup>

## **2.3 Prinsip Asas Perkahwinan dalam Agama Islam**

### **2.3.1 Pemilihan Pasangan dalam Islam**

Agama Islam amat menitik beratkan kesejahteraan sesebuah perkahwinan yang bakal dibina. Justeru, pemilihan pasangan adalah sangat penting sebagai pola asas membentuk sistem kekeluargaan gemilang. Sesungguhnya di dalam Islam telah menetapkan ciri-ciri pasangan yang akan dipilih samada lelaki ataupun wanita. Sepertimana Firman Allah S.W.T bermaksud :

*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Surah al-Hujurat (49) : 13

Ayat di atas menerangkan bahawa pemilihan pasangan hidup ataupun jodoh dalam Islam adalah berasaskan sifat ketaqwaan kepada Allah S.W.T. Jelas

---

<sup>67</sup> B. Aisyah Lemu, dan Fatimah Heeren, *op.cit.*, n.38, hal.28.

<sup>68</sup>Akta Undang-undang Keluarga Islam, (Wilayah-wilayah Persekutuan 1984), (Akta 303), *op.cit.*, Seksyen 25

pemilihan pasangan dalam Islam bukanlah hanya bersandarkan kepada harta kekayaan, mulianya keturunan atau tingginya pangkat dan darjat semata-mata tetapi lebih daripada itu, iaitu beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T. Sebagaimana hadith Rasulullah S.A.W mafhumnya bermaksud :<sup>69</sup>

***"Wanita dikahwini kerana empat perkara iaitu; Hartanya, keturunannya, kecantikannya, dan agamanya. Maka agama adalah lebih baik"***

Justeru dalam Islam disarankan memilih wanita yang bertaqwa dan solehah iaitu yang dimaksudkan wanita yang beragama. Ini kerana wanita tersebut mampu menenangkan hati apabila memandangnya, banyak mengetahui hal ehwal agama, menggalakkan kepada sifat-sifat yang baik, mampu mendidik anak-anak serta menguruskan rumahtangga dengan sempurna. Selaras fungsi isteri iaitu untuk menenangkan suami, untuk disukai, berkongsi hidup, membina rumahtangganya, ibu kepada anak-anaknya<sup>70</sup> dan sebagainya.

### **2.3.2 Pertunangan (Pra-perkahwinan) di dalam Islam**

Peminangan (*khitbah*) atau lamaran disyari'atkan Islam sebagai titik permulaan dalam proses perkahwinan bagi calon suami dan isteri mengikat tali perkahwinan. Peminangan dibuat oleh calon suami atau wakilnya atau calon isteri atau wakilnya. Peminangan hanya boleh dilakukan terhadap wanita-wanita

---

<sup>69</sup> Muhammad bin Ismail Abu 'Abd Allah al-Bukhari al-Ja'fiy,( 1987 ) *Sahih al-Bukhari*, No. Hadith 4802, juz 5, cet. 3, Beirut: Dar al-Yamamah, hal 1958

<sup>70</sup> Sayyid Sabiq, (1365H), *op.cit.*, hal. 145



yang boleh terus dikahwini atau yang bebas dari halangan-halangan syar'ie. Oleh itu haram dilamar wanita-wanita berikut iaitu:<sup>71</sup>

ii- Wanita yang sedang dalam '**iddah**, samada **talaq raj'ie** ataupun **talaq bain**.

Wanita yang sedang ber'iddah talaq raj'ie haram dilamar secara terang-terangan atau secara sindiran. Namun wanita yang ber'iddah dalam talaq bain haram dilamar secara terang-terangan tetapi boleh dilamar secara sindiran. Larangan tersebut bertujuan menjaga tali persaudaraan antara sesama Islam, sementara bekas suami masih lagi berhak atas bekas isterinya yang ber'iddah kerana talaq raj'ie

iii- Wanita yang kematian suami. Wanita yang kematian suami wajib ber'iddah selama empat bulan sepuluh hari atau atau sampai bersalin jika ia mengandung. Semasa 'iddahnya ia haram dilamar secara terang-terangan tetapi boleh secara sindiran. Walaupun hubungan antara suami yang meninggal dan isteri yang ditinggalkan tiada harapan lagi untuk disambung kembali tetapi demi menjaga perasaan keluarga yang ditinggalkan, maka dilarang melamar secara terang-terangan.

iv- Tunangan orang. Wanita yang telah dipinang oleh orang lain haram dilamar,<sup>72</sup> kecuali lamarannya telah ditolak atau si empunya diri telah

---

<sup>71</sup> Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris (1994), *Hukum-hukum Perkahwinan dan Kekeluargaan dalam Islam, Pandangan daripada Pelbagai Mazhab*, Kuala Lumpur: Dinie Publisher, hal.85-89.

<sup>72</sup> Abi Abdullah Muhammad Bin Idris, al-Imam al-Syafi'e, (150/402H), *op.cit.*, hal. 27. Lihat juga Sayyid Sabiq, (1365H), *op.cit.*, hal 156

memberi izin. Larangan ini penting untuk menjaga perpaduan dan persaudaraan Islam.

Jelas sekali bahawa pertunangan bukanlah bererti sudah berkahwin tetapi sudah melangkah ke pintu perkahwinan. Maka sebarang pergaulan bebas antara tunang dengan pasangannya adalah terlarang, tetapi tidak salah jika sekali sekala keduanya bertemu asalkan berpakaian menutup aurat dan ada mahram bersama mereka. Semasa pertunangan inilah kedua pihak berusaha mencari titik persamaan dan belajar menyesuaikan diri sebelum diijab kabulkan secara rasmi sebagai suami isteri. Justeru dalam langkah ke arah perkahwinan Islam, permohonan atau kebenaran untuk berkahwin akan dikemukakan kepada Mahkamah Syariah Negeri masing-masing. Contohnya jika perkahwinan tersebut melibatkan seorang perempuan yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan maka kebenaran berkahwin akan diberikan oleh Pendaftar atau Hakim Syariah atau oleh pihak berkuasa yang hak bagi sesuatu negeri tersebut.<sup>73</sup>

### **2.3.3 Konsep Akad (*Sighah*) di dalam Islam**

Islam meletakkan akad perkahwinan di tempat yang tinggi berbanding akad-akad yang lain. Ini kerana ia melibatkan kepentingan duniawi dan ukhrawi yang secara langsung melibatkan jiwa manusia berbanding akad-akad lain yang hanya melibatkan benda atau manfaat sesuatu barang sahaja. Hal ini telah dijelaskan oleh

---

<sup>73</sup> Sila Rujuk *Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Ss 16-18*

Allah S.W.T dengan menyifatkan perkahwinan sebagai ‘perjanjian yang kuat’

(مِيثَاقًا غَلِيظًا) dalam firman-Nya berbunyi:

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمُ إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنكُم مِّيثَاقًا غَلِيظًا ﴿٢١﴾

**“Dan bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu terjalin antara satu dengan yang lain, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu”.**

Surah al-Nisa’ (4) : 21

Ijab dan kabul disebut juga sebagai *sighah*. *Ijab* beerti pengakuan daripada pihak bakal isteri bahawa dia rela dan bersedia untuk dikahwinkan dengan lelaki bakal suaminya. *Kabul* pula ialah pengakuan atau jawapan daripada pihak bakal suami bahawa dia menerima kesediaan bakal isteri untuk menjadi isterinya.<sup>74</sup> Lafaz-lafaz yang digunakan di dalam ijab dan kabul tidaklah wajib di dalam bahasa Arab, malah ia harus dengan menggunakan apa sahaja bahasa selain daripada bahasa Arab asalkan dapat difahami oleh suami atau isteri dan dua orang saksi mereka dan dikehendaki mengandungi makna kahwin atau nikah.<sup>75</sup>

Upacara akad nikah (ijab dan kabul) yang merujuk kepada upacara pemberian dan penerimaan nikah merupakan rukun nikah yang utama mengikut undang-undang Islam. Tanpa upacara akad nikah sesuatu perkahwinan itu tidak

<sup>74</sup> Mat Saad Abd. Rahman, Prof. Madya, Dr. (Oktober 1993), *op.cit.*, hal.31

<sup>75</sup> *Ibid*, hal.32

dianggap sah di sisi agama dan masyarakat.<sup>76</sup> Di dalam upacara akad nikah pihak kadi atau imam yang bertauliah akan menawarkan nikah kepada pengantin lelaki bagi pihak wali pengantin perempuan dengan lafaz, “*Aku nikahkan engkau dengan si polan* (disebut nama pengantin perempuan) *dengan bayaran mas kahwin* (disebut jumlah atau jenisnya) *tunai/ hutang*”. Pihak pengantin lelaki pula akan menerima nikah tersebut dengan menyebut, “*Aku terima nikahnya dengan si polan* (nama pengantin perempuan) *dengan mas kahwin* (disebut jumlah atau jenisnya) *tunai / hutang*”.<sup>77</sup>

Penawaran dan penerimaan nikah dalam upacara akad nikah mesti disebut dengan terang dan jelas. Setelah pihak kadi dan imam berpuas hati, akan bertanya pula kepada saksi (dua orang mengikut Mazhab Shafi’e) samada mereka berpuas hati dengan penawaran dan penerimaan nikah tersebut. Jika semuanya bersetuju, maka perkahwinan itu diisytiharkan sah.<sup>78</sup>

#### **2.3.4 Undang-undang Berkaitan Perkahwinan Agama Islam**

##### **2.3.4(a) Undang-undang Berkaitan Perkahwinan Agama Islam (Secara Umum)**

Perundangan Islam di Malaysia berpandukan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Akta 303) yang merangkumi semua hal ehwal perkahwinan, perceraian dan apa-apa yang berkaitan dengannya. Jabatan Agama Islam negeri pula merupakan badan yang menguruskan segala perkahwinan orang Islam

---

<sup>76</sup> Yaacob Harun, (1995), *op.cit*, hal. 95

<sup>77</sup> *Ibid*

<sup>78</sup> *Ibid*, hal. 95 dan 96

bermula dengan permohonan untuk berkahwin, kursus dan temuduga kahwin, pengeluaran sijil kahwin, khidmat kaunseling kepada masalah rumahtangga dan sebagainya<sup>79</sup>. Justeru undang-undang Islam di negeri-negeri di Malaysia berfungsi menguruskan perkara tersebut namun perlaksanaannya perlu diselaraskan dalam beberapa aspek contohnya poligami Islam dan sebagainya.

### **2.3.4(b) Halangan-halangan Perkahwinan dalam Islam.**

Perkahwinan dalam Islam adalah suatu yang amat digalakkan dan tidak ada halangan-halangan untuk berkahwin melainkan halangan yang telah digariskan dengan sempurna oleh undang-undang Islam. Halangan-halangan perkahwinan dalam Islam lebih merupakan golongan yang haram dikahwini sepertimana telah digariskan oleh Islam. Ia jelas disebut di dalam Firman Allah S.W.T yang bermaksud :

*"Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu Yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

Surah al-Nisa' (4): 23

---

<sup>79</sup> Undang-undang Keluarga Islam ( Akta 303)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas jelas bahawa terdapat beberapa halangan perkahwinan dalam Islam iaitu pengharaman mengahwini wanita seperti yang disebut di atas. Pengharaman ini terbahagi dua sifat iaitu; pengharaman selama-lamanya (مؤبدا) dan pengharaman sementara waktu (اتقؤم). Justeru pengharaman tersebut adalah dengan tiga sebab, pertama keturunan (*Nasab*), kedua susuan (*Rada'*) dan ketiga persemendaan (*Musaharah*).<sup>80</sup> Pengharaman disebabkan nasab dan susuan adalah bersifat selama-lamanya, manakala pengharaman persemendaan atau melalui perkahwinan ada yang bersifat sementara dan ada yang bersifat selama-lamanya.<sup>81</sup>

Haram dengan sebab nasab iaitu haram menikahi ibu ke atas, anak perempuan, saudara, makcik sebelah ayah, makcik sebelah ibu, anak saudara lelaki, anak saudara perempuan. Haram dengan sebab susuan iaitu haram menikahi dengan sebab susuan. Ulama sepakat menetapkan bahawa haram dengan sebab susuan adalah sama seperti haramnya melalui keturunan iaitu ibu susuan, saudara perempuan, anak perempuan, makcik sebelah ayah atau ibu, anak perempuan dari saudara lelaki dan perempuan. Haram dengan sebab persemendaan pula iaitu haram dengan sebab perkahwinan seperti haram mengahwini ibu atau anak dari isteri (anak tiri).<sup>82</sup>

---

<sup>80</sup> Badaran Abu al-'Ainain Badaran, (1967), *Al-Fiqh al-Maqaran Lil Ahwal al-Shakhsiyyah baina al-Mazahab*, juz. 1, Beirut: Dar al-Nahdhah al-'Arabiyyah, hal. 80. Lihat juga Abi Abdullah Muhammad Bin Idris, al-Imam al-Syafi'e, (150/402H), *op.cit.*, hal. 18

<sup>81</sup> Mustafa al-Khin, Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 25-30

<sup>82</sup> Muhammad Hasbi Asy Syiddieqy, Tengku, Prof., Dr. (1997), *Hukum-hukum Fiqh Islam*, Semarang: PT. Pustaka Rizki Putra, ed.2, hal. 236-244.

### 2.3.5 Upacara dan Majlis Perkahwinan dalam Islam (*Walimah al-'Urus*)

Perkahwinan dalam undang-undang Islam ialah sesuatu kontrak sivil. Namun, oleh kerana ia adalah suatu perbuatan yang dianjurkan oleh ajaran Islam maka ia juga adalah satu ibadat. Perkahwinan boleh diadakan tanpa apa-apa istiadat. Tidak ada upacara khas dan tidak ada pegawai yang diperlukan.<sup>83</sup>

Setelah selesai melangsungkan akad nikah, maka suatu *walimah* (upacara kenduri kahwin) akan diadakan<sup>84</sup>. Kenduri kahwin (*Walimah al-'Urus*) adalah suatu tuntutan Syari'ah. Ia adalah jamuan yang menjadi tuntutan agama dan bukannya sekadar suatu upacara, adat atau budaya semata-mata. Sebahagian ulama berpendapat hukum mengadakannya adalah wajib, sementara sebilangan yang lain menyatakan hukumnya adalah *sunat muakkad* berdasarkan hadith Nabi S.A.W berikut:

## أُولِمَ وَكُو بِشَاةٍ

***"Hendaklah kamu mengadakan walimah walaupun dengan seekor kambing."***<sup>85</sup>

Menurut Jumhur mengadakan walimah hukumnya sunat bukannya wajib kerana walimah itu adalah jamuan makan lantaran mendapat kegembiraan seperti mengadakan majlis-majlis lain juga. Maka anjuran Nabi dalam hadith tersebut

<sup>83</sup> Ahmad Ibrahim, Prof. Tan Sri, Datuk (1999), *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal SDN.BHD., hal.25

<sup>84</sup> Osman Bin Jantan, Hj. (2001), *op.cit*, Pedoman Mu'amalat dan Munakahat, hal. 180

<sup>85</sup> Muslim b. al-Hajjaj Abu al-Husayn al-Qusyairiy al-Nisaburiy, ( t.t ), *Sahih Muslim, Bab Nadab al-Nazar Ila Wajh al-Mara'h Wa-Kaffiyyuha Li Man Yurid Tuzawwijuha*, No. hadith 1427, Juz. 2, Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy : Beirut, hal 1040

adalah perintah sunat kerana ia diqiaskan kepada perintah korban pada Hari Raya Korban.<sup>86</sup>

Hukum mengadakan majlis kenduri kahwin adalah *sunat* dan yang paling baik ia hendaklah dilakukan secara sederhana sebagaimana yang disebut dalam sabda Rasul S.A.W di atas tadi iaitu sunat mengadakan walimah walau dengan seekor kambing. Berapa besar atau kecilnya walimah itu tidak ada ketentuannya. Menurut yang *afdal* ialah menurut kadar yang layak dan sesuai dengan keadaan suami sendiri<sup>87</sup> Hadith tersebut juga menegaskan bahawa setiap perkahwinan yang akan dilangsungkan hendaklah diadakan kenduri kahwin yang dibuat secara sederhana tidak sampai ke tahap bergolok gadai dan berhutang di sekeliling pinggang kerana ia adalah suatu pembaziran yang amat dikeji oleh Islam. Perbuatan tersebut juga jelas akan memberati dan membebankan pasangan berkenaan serta keluarga kedua belah pihak pada masa hadapan. Firman Allah S.W.T:

وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ

تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾

*" Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau"*

Surah al-Isra' (17) : 26

<sup>86</sup> Osman Bin Jantan, Hj., (2001), *op.cit.*, hal. 180.

<sup>87</sup> *Ibid.*



Justeru apa yang dituntut oleh Islam ialah berbelanja mengikut kemampuan yang ada pada keluarga tersebut dan bukan dengan tujuan untuk bermegah-megah di antara jiran sekampung. Maka dengan mematuhi konsep di atas pasangan berkenaan akan berpeluang membuat penumpuan bagi memikirkan masa hadapan dengan tenang dan selesa. Keadaan ini akan memberi kesan dan impak yang amat baik dalam menjalani kehidupan berumahtangga. Selain itu, syariat Islam menghendaki supaya setiap perkahwinan yang akan dilangsungkan itu hendaklah dihebahkan terlebih dahulu kepada saudara mara, sahabat handai dan masyarakat setempat. Ia hendaklah diisytiharkan secepat mungkin dan diraikan dengan bunyi-bunyian seperti paluan gendang ataupun nasyid <sup>88</sup>.

Hukum menghadiri jemputan majlis perkahwinan adalah wajib bahkan fardhu 'Ain menurut jumhur ulama <sup>89</sup>dengan syarat tiada halangan syar'ie seperti tidak ada unsur-unsur maksiat, tidak ada keuzuran bagi pihak yang diundang dan majlis itu bukannya (khusus) untuk orang-orang kaya sahaja. Justeru jika syarat tersebut tidak terpenuhi maka tidak wajib untuk menghadiri majlis tersebut dan berdosa ia kepada Allah dan Rasul S.A.W jika menghadiri majlis tersebut. Dalilnya ialah berdasarkan hadith Rasul S.A.W yang mafhumnya bermaksud:

***"Sejahat-jahat makanan ialah makanan walimah yang diundang kerana orang-orang kaya sahaja dan ditinggalkan orang-orang miskin. Barangsiapa yang tidak memperkenankan undangan maka sesungguhnya telah derhakahlah ia kepada Allah dan RasulNya."*** <sup>90</sup>

---

<sup>88</sup> Disusun oleh Unit al-Quran (1994), Sunah dan Tafsir, Pusat Penyelidikan Islam, *op.cit.*, hal. 21

<sup>89</sup> Pandangan ini menurut keempat-empat mazhab Maliki, Syafi'e, Hanafi dan Hambali.

<sup>90</sup> Muslim b. al-Hajjaj Abu al-Husayn al-Qusyairiy al-Nisaburiy, ( t.t ), *Sahih Muslim, Bab al-'Amr Bi Ijabah al-Da'ie Ila Da'wah*, no. hadith 1432, juz. 2, Beirut : Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiy, hal 1052

## **2.4 Perceraian dan Hak / Hukum Berkait dengan Masalah tersebut dalam Islam.**

### **2.4.1 Konsep Perceraian Menurut Islam**

Konsep perceraian<sup>91</sup> dalam Islam turut mendapat kecaman daripada individu yang tidak memahami syariah Islam. Oleh itu perbincangan berikut ini akan menghuraikan kuasa talak yang diberikan kepada para suami oleh Allah S.W.T. Manakala Ta'aliq, Fasakh dan Tebus Talak pula merupakan cara bagaimana seseorang isteri itu menuntut cerai daripada suaminya. Islam amat mengutamakan usaha-usaha perdamaian suami isteri bagi mengelakkan berlakunya lafaz cerai. Namun jika segala usaha itu gagal, peruntukan nafkah ke atas isteri dan anak-anak perlu diselesaikan dengan baik.<sup>92</sup>

#### **2.4.1(a) Faktor dan Syarat Pembubaran Perkahwinan**

Talak merupakan perbuatan halal namun juga sesuatu perkara yang dibenci oleh Allah S.W.T. Sebagai mana sabda Rasul S.A.W:<sup>93</sup>

---

<sup>91</sup> Sila rujuk Undang-undang Keluarga Islam mengenai perceraian dan prosedur berkaitan dengannya dalam *Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Seksyen 47-48, Kelantan, Seksyen 35, Negeri Sembilan Seksyen 47-48, Melaka Seksyen 35.*

<sup>92</sup> Rozi Bainon (1999), *Penghapusan Diskriminasi dari Perspektif Islam dan Undang-undang Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal.77-80.

<sup>93</sup> Sulayman bin al-Asy'ath Abu Dawud al-Sajistaniy al-Azdiy,( t.t ), *Sunan Abi Dawud*, Bab Fi Karahiah al-Talaq, Hadith No. 2178. juz 2, Beirut : Dar al- Fikr, hal 255. Hadith riwayat Abu Dawud, Ibnu Majah dan disahkan oleh Hakim dan Abu Hatim menguatkan mursalnya

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا مُعَرِّفٌ عَنْ مُحَارِبٍ قَالَ , قَالَ  
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أَحَلَّ اللَّهُ شَيْئًا أَبْغَضَ  
إِلَيْهِ مِنَ الطَّلَاقِ

*"Dari Ahmad bin Yunus meriwayatkan dari Mu'arrif dari Muharib berkata : Rasulullah SAW telah bersabda : Di antara perkara yang halal yang paling dibenci Allah ialah talak".*

Berdasarkan sabda Rasul SAW di atas, Imam Malik berpendapat bahawa talak pada asalnya adalah suatu perkara yang ditegah kerana memutuskan ikatan perkahwinan, kecuali wujud suasana yang mengharuskannya sebagai jalan terakhir bagi menyelesaikan persengketaan rumahtangga. Sekiranya berlaku talak tanpa sebab-sebab yang diharuskan, ia dianggap berdosa. Bagi fuqaha' mazhab Syafi'e pula, walaupun harus tetapi ia tetap dikira makruh sekiranya dilakukan tanpa sebab-sebab yang dibenarkan Syara' <sup>94</sup>. Menurut Islam hukum talak boleh menjadi harus, haram, sunat, makruh dan wajib <sup>95</sup> menurut keadaannya yang tertentu. Namun sebahagian fuqaha' mazhab Hanafi berpendapat talak pada asalnya adalah harus <sup>96</sup>.

Perlu diketahui bahawa perkahwinan dalam Islam bukanlah untuk tujuan sementara tetapi adalah untuk hidup bersama buat selama-lamanya atas dasar keredhaan, kepercayaan dan persetujuan bersama. Pembubaran perkahwinan merupakan cara penyelesaian terakhir dalam menghadapi krisis rumahtangga <sup>97</sup>

<sup>94</sup> Al-Nawawiy, (1992), *Rawdah al-Talibin*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, juz.,6, hal.4

<sup>95</sup> Taib Azamuddin Md. Taib, Ustaz, Hj.,( 1 April 1993), *Pengenalan Hukum Nikah Kahwin*, Kuala Lumpur: Pustaka Hj. Abd. Majid & Pustaka Hamduna, hal.54.

<sup>96</sup> Al-Sarakhsiy, (1989), *Kitab al-Mabsut*, juz.6, Beirut: Dar al-Ma'rifah, hal.2

<sup>97</sup> Rozi Bainon, , *op.cit*, hal. 77-78.

bagi pasangan yang tidak dapat mewujudkan pergaulan secara makruf dan setelah melalui beberapa proses perdamaian.<sup>98</sup>

#### **2.4.1(b) Kaedah Pembubaran Perkahwinan Islam**

Perceraian hanya akan berlaku sekiranya kedua-dua belah pihak telah bersetuju dengan rela untuk bercerai. Namun jika si suami tidak bersetuju melafazkan talak sedangkan si isteri menghendakinya maka terdapat beberapa kaedah yang akan diterangkan selepas ini. Sebelum bercerai juga akan ditubuhkan satu Jawatankuasa pendamai oleh Mahkamah untuk mendamaikan kedua belah pihak sebelum mengambil keputusan untuk bercerai. Perceraian ini mesti dibawa ke Mahkamah untuk menguruskan prosedur seterusnya iaitu pengesahan secara undang-undang.

Di dalam undang-undang perkahwinan agama Islam, walaupun kuasa talak berada di tangan suami, namun undang-undang keluarga Islam di Malaysia telah menetapkan bahawa semua bentuk perceraian perlu dilakukan di Mahkamah Syariah.<sup>99</sup> Suami mempunyai kuasa menceraikan isteri dan perceraian yang berlaku adalah menurut undang-undang Islam yang berasaskan kepada al-Qur'an dan Sunnah. Semua bentuk dan jenis perceraian seperti yang dibenarkan oleh agama, dimasukkan ke dalam peruntukkan Undang-undang Keluarga Islam seperti *ta'liq*,

---

<sup>98</sup> Sila lihat peruntukan *Seksyen 47 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan)* 1984. Lihat juga Ahmad Ibrahim, Prof., Tan Sri, 1999, *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn.Bhd., hal. 90

<sup>99</sup> Mahkamah ini mengadili semua permasalahan umat Islam berhubung perkahwinan dan pembubaran perkahwinan, contohnya pendaftaran perkahwinan, pembubaran perkahwinan (talak), tuntutan nafkah dan yang berhubung dengan kedua-duanya. Sila rujuk **Undang-undang Sarawak 2001**, ( Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Bab 43 )

*khulu'*, *fasakh*, *li'an* dan *zihar*. Apabila proses perceraian diuruskan oleh pihak mahkamah, pasangan perlu menunggu sehingga mahkamah mengeluarkan surat cerai. Dalam pada itu, pihak isteri perlu mematuhi tempoh '*iddah*' seperti yang digariskan oleh agama sebelum dibenarkan berkahwin semula.<sup>100</sup>

Syarat-syarat perceraian telah ditentukan di dalam Islam. Berdosa hukumnya suami yang sengaja menceraikan isterinya tanpa apa-apa alasan yang tidak disyariatkan oleh Islam. Selain itu, perceraian Islam tidak berhenti setakat proses perceraian oleh Mahkamah sahaja tetapi turut menetapkan syarat yang berkait dengan hak isteri semasa *iddah* (tempoh bercerai), nafkah dan hak penjagaan anak (*hadanah*), hak pemilikan harta pasangan suami isteri dan sebagainya.

#### (i) **Talak (Lafaz Cerai)**

Talak ialah melepaskan ikatan nikah daripada pihak suami atau memutuskan ikatan perkahwinan dengan mengucapkan lafaz yang tertentu atau yang seumpamanya.<sup>101</sup> Contohnya suami berkata kepada isterinya : "*Engkau telah kutalak*", maka dengan ucapan ini ikatan nikah menjadi terungkai bererti suami isteri akan bercerai.<sup>102</sup> Pensiariatan talak telah disabitkan melalui al-Quran, al-Sunnah dan Ijma'. Firman Allah S.W.T :

---

<sup>100</sup> Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari, (2002), *op.cit.*, hal. 116

<sup>101</sup> Al-Syarbiniy, *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, ulasan terhadap Minhaj al-Talibin (t.t), juz.3, Beirut: Dar al-Fikr, hal.275. Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/141H), *op.cit.*, hal. 119

<sup>102</sup> Ismail Hj. Ali, Ustaz (1997), *op.cit.*, hal.504-505.

الطَّلَاقُ مَرَّتَانٍ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَنٍ وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

*"Talak (yang boleh dirujuk kembali itu) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya dengan cara yang baik".*

Surah al-Baqarah (2) : 229

Rukun Talak ada tiga iaitu :

- (a) Suami yang memberi talak hendaklah baligh, berakal dan atas kehendaknya sendiri.
- (b) Isteri yang ditalak
- (c) Ucapan yang digunakan untuk mentalak<sup>103</sup>.

Islam telah menetapkan bahawa keputusan menjatuhkan talak berada di tangan suami dan bukan isteri atau hakim atau kadi kecuali jika diminta oleh isteri. Kuasa menjatuhkan talak oleh suami tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya. Talak menurut al-Qur'an ialah dua kali<sup>104</sup> yang bererti talak tidak

<sup>103</sup> Ucapan untuk mentalak isteri ada dua (i) *Sarih* iaitu ucapan yang jelas dan tegas maksudnya untuk mentalak. Talak itu jatuh jika seseorang telah mengucapkan dengan sengaja walaupun hatinya tidak berniat mentalak isterinya. (ii) *Ucapan Kinayah* iaitu ucapan yang tidak jelas maksudnya seperti 'pulanglah engkau kepada ibubapamu'. Ucapan talak kinayah memerlukan adanya niat, ertinya jika ucapan talak tersebut beserta niat maka sah talaknya dan jika tidak disertai dengan niat maka belum jatuh talaknya. Sila rujuk, Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 124

<sup>104</sup> *Kitab Al-Qur'an, Surah al-Baqarah (2) : 229*

boleh dijatuhkan tiga kali sekaligus. Jika berlaku demikian, yang jatuh hanya satu sahaja. Pada zaman pemerintahan Saidina 'Umar, ramai kaum lelaki yang menyalahgunakan kuasa talak dan mempermainkannya. Umar telah membuat satu dasar berdasarkan keperluan semasa bahawa suami yang menceraikan isterinya sekaligus dengan talak tiga, maka ketiga-tiga talak itu dikira jatuh semuanya dan si suami tidak boleh rujuk kepada isterinya.<sup>105</sup>

Prinsipnya, ia dijelaskan lagi oleh 'Abd al-Rahman al-Jaziri dalam bukunya *Al-Fiqh 'Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah*, seorang lelaki (suami) yang merdeka memiliki tiga talak sekalipun suami bagi seorang hamba perempuan. Manakala seorang hamba (suami) pula memiliki dua talak sekalipun dia merupakan suami bagi perempuan yang merdeka. Sekiranya seorang lelaki (suami) mentalakkan isterinya tiga kali sekaligus (dalam satu masa), sebagaimana suami berkata kepada isterinya “Aku talakkan engkau dengan talak tiga”, maka jatuhlah (*thabit*) talak, sepertimana yang ia (suami) tuturkan itu dari segi bilangannya menurut keempat-empat mazhab. Inilah pendapat jumhur ulamak.<sup>106</sup> Maka inilah yang dijadikan sebagai dasar Syariah Islam yang dikehendaki Allah S.W.T dan Nabi S.A.W.

Selain itu, Islam telah menetapkan bahawa seseorang suami yang menjatuhkan talak ke atas isterinya tanpa sebab-sebab munasabah dikehendaki membayar *muta'ah*.<sup>107</sup> Ini bererti hak talak turut diiringi dengan tanggungan kewangan yang perlu dipenuhi oleh suami. Di samping itu juga Islam

---

<sup>105</sup> Mustafa al-Khin, Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 125-126

<sup>106</sup> 'Abd al-Rahman al-Jaziri (t.t), *op.cit.*, hal. 341

<sup>107</sup> *Muta'ah* ialah harta benda yang wajib diberikan oleh suami yang menceraikan isterinya. Syarat-syarat pemberian *muta'ah* ialah jika isteri itu hanya mendapat setengah daripada mahar yang wajib diberi kepadanya, perceraian bukan disebabkan oleh isteri atau kedua-dua pihak. Kadar *muta'ah* adalah bergantung kepada persetujuan suami isteri. Jika tiada persetujuan antara kedua-dua belah pihak, kadi akan memutuskannya dengan menimbangankan kedudukan suami dari segi kewangan.

membenarkan isteri membuat tuntutan cerai melalui kadi jika si suami tidak mampu memberi nafkah atau mempunyai kecacatan yang tidak boleh sembuh atau tindakannya yang zalim dan sebagainya. Syarat utama untuk membolehkan wanita untuk menuntut cerai ialah mestilah ada alasan syar'ie yang dibenarkan oleh hukum<sup>108</sup>. Sabda Rasul S.A.W mafhumnya bermaksud:

*"Setiap isteri yang meminta cerai dari suaminya tanpa apa-apa (alasan yang dapat dibenarkan) maka haram atasnya bau syurga"*<sup>109</sup>

Namun begitu seorang isteri masih mempunyai tiga cara untuk menuntut perceraian iaitu :

- a) **Ta'liq** : Bererti talak yang digantung dengan syarat melalui lafaz yang dilakukan oleh suami di waktu pasangan (suami isteri) dinikahkan. Berakad nikah boleh diikat dengan syarat-syarat, asal sahaja perkara-perkara tersebut tidak menyalahi hukum Allah SWT.
- b) **Fasakh** : Demi memelihara hak wanita (isteri) dan menolak bahaya serta kemudharatan menyimpannya, maka syariat Islam membolehkan seorang perempuan yang cukup umur memfasakhkan nikahnya dengan perantaraan Hakim Syariah (Kadi) jika seseorang suami itu tiada kuasa memberi kepada isterinya perkara-perkara seperti belanja makan dan minum, pakaian yang

---

<sup>108</sup> Rozi Bainon, *op.cit.*, hal.79.

<sup>109</sup> Muhammad b. Yazid Abu 'Abd Allah al-Qizwayniy,(t.t) *Sunan Ibn Majah, Bab Kirahiah al-Khul'u Lil Mar'ah*, no. hadith 2054, juz. 1, Beirut : Dar al-Fikr, hal 662



layak dan patut, rumah yang sepatutnya dan membayar maharnya yang tunai sebelum melakukan persetubuhan, disebabkan kepapaan, kecacatan akal, penyakit menular hingga menghalang hubungan kelamin dan ketidakupayaan untuk melakukan hubungan kelamin.(mati pucuk)

- c) Tebus Talak ( *Khulu'* ) : Diharuskan bagi isteri mendapatkan perceraian melalui tebus talak iaitu dengan membayar kepada suami suatu benda yang bernilai sebagai ganti berdasarkan persetujuan kedua belah pihak. Pembayaran itu boleh dibuat dengan mata wang atau benda yang bernilai atau memulangkan mas kahwin dan sebagainya.

Seseorang isteri yang menuntut cerai melalui *ta'liq* dan *fasakh* tiada tanggungan kewangan untuk membayar ganti rugi ke atas suaminya. Namun jika seseorang isteri itu menggunakan haknya menuntut cerai melalui *khulu'* yang mana ia tiada apa-apa alasan tetapi semata-mata untuk membebaskan diri dari ikatan perkahwinan, maka isteri perlu membuat suatu pembayaran sebagai ganti rugi kepada suaminya. Sehubungan itu perlu diketahui untuk menjaga kepentingan umat Islam. Syariat Islam walaupun membolehkan perceraian tetapi telah menetapkan syarat-syarat yang ketat kepada perceraian dan sebuah mahkamah khas didirikan untuk menguruskan perkahwinan dan perceraian Islam khususnya di Malaysia iaitu Mahkamah Syariah. Justeru semua perkahwinan dan kes perceraian Islam mempunyai peraturan dan syarat-syarat tersendiri dan mesti didaftarkan di bawah Undang-undang keluarga Islam sama ada mengenai perkahwinan, perceraian ataupun pembubaran perkahwinan.<sup>110</sup>

---

<sup>110</sup> Ahmad Ibrahim, Prof., Tan Sri (1999), *op.cit*, hal. 90-93

## 2.4.2 Hak / Hukum Yang Berkait Masalah Perceraian dalam Agama Islam

### 2.4.2(a) Hak Wanita Semasa Iddah

Bagi *talaq Raj'ie*<sup>111</sup> suami masih bertanggungjawab terhadap nafkah isteri semasa iddah iaitu menyediakan tempat tinggal dan keperluan hidup termasuk makanan dan pakaian tetapi tidak dibenarkan tinggal bersama di dalam rumah tersebut dan tidak dibenarkan menyetubuhinya. Manakala si isteri pula tidak dibenarkan keluar daripada rumah tersebut kecuali dalam keadaan yang memaksa. Ini adalah kerana isteri masih terikat dengan suaminya di dalam *iddah talaq raj'ie* sehinggalah habis tempoh iddahnyanya. Bagi *talaq Bain*<sup>112</sup> pula, suami wajib menyediakan tempat tinggal sahaja mengikut mazhab Syafi'e dan Malik dan tidak harus bagi suami tinggal bersama dalam satu rumah. Bagi mazhab Hanafi pula wajib menyediakan tempat tinggal dan keperluan lain kerana ia telah dikenakan sekatan melalui *iddah*.

Rasionalnya, kewajipan nafkah yang dikenakan oleh Syarak dan larangan ke atas isteri daripada keluar rumah semasa iddah ini sebenarnya sekali lagi memberi peluang kepada pasangan suami isteri tersebut untuk berbaik-baik semula. Ini juga menunjukkan bahawa Islam sangat menggalakkan umatnya menjauhi

---

<sup>111</sup> Talak *Raj'ie* iaitu talak yang suami boleh rujuk kembali kepada bekas isterinya dengan tidak memerlukan mahar dan akad nikah baru seperti talak satu dan dua.

<sup>112</sup> Talak *Ba'in* terbahagi dua iaitu *Ba'in Sughra* dan *Ba'in Kubra*. *Ba'in Sughra* ialah talak yang tidak boleh dirujuk kembali kecuali dengan mahar dan akad nikah yang baru dan talak yang dijatuhkan sebelum berlakunya persetubuhan. *Ba'in Kubra* ialah talak yang tidak boleh dirujuk kembali kecuali setelah bekas isterinya itu berkahwin lain setelah habis iddah dengannya dan berlaku persetubuhan yang hakiki kemudian bercerai atau meninggal dunia dan habis iddahnyanya.

perceraian dan membuka jalan seluas-luasnya ke arah perdamaian. Ini menjelaskan bahawa perkahwinan adalah asas pembinaan ummah yang cemerlang. Perceraian bererti pembinaan ummah akan terjejas. Justeru Islam amat menitik beratkan hal ini kecuali sebab-sebab terpaksa. Walaupun begitu, Islam menggariskan undang-undang dan hukum perceraian bagi menjamin pembinaan ummah tidak terjejas, tetapi terus terjamin baik. Justeru suami masih tetap bertanggungjawab dalam penjagaan anak-anak-anak bersama isteri.

#### **2.4.2(b) Hak dalam Harta Sepencarian**

Harta Sepencarian bermaksud harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat ditentukan oleh Hukum Syarak.<sup>113</sup> Tafsiran harta sepencarian dijelaskan dalam Seksyen 2 dalam Undang-undang Keluarga Islam (Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan). Ia dijelaskan lagi dalam UKIS N9, iaitu; Harta yang diperolehi oleh suami dan isteri samada secara langsung dan tidak langsung semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak. Walaupun tafsiran harta sepencarian secara umumnya adalah tidak seragam antara negeri-negeri di Malaysia namun ia memberi pengertian yang sama dari sudut harta yang diperolehi secara usaha bersama oleh pihak suami dan isteri semasa perkahwinan.

Harta sepencarian sebenarnya berasal dari Hukum Adat Melayu namun diterima pakai dalam undang-undang Islam. Amalan secara adat bukan bermakna adat atau '*uruf*' itu sebagai sumber hukum secara langsung, tetapi sebagai *rukhsah*

---

<sup>113</sup> Sila Rujuk *Seksyen 2 Akta 303, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.*

(kemudahan) yang diberikan oleh Allah kepada manusia.<sup>114</sup> Oleh kerana itu adat/uruf itu tidak lebih daripada kaedah fiqh yang boleh digunakan bagi menentukan hukum bagi menyelesaikan masalah manusia. Harta sepencarian boleh dituntut oleh samada isteri atau suami. Tuntutan untuk mendapat sebahagian harta sepencarian didasarkan pada adat Melayu yang kemudiannya diiktiraf perkara yang terletak di bawah Undang-undang Islam.

Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan kali ke-4 pada 13 April 1982 telah memutuskan harta sepencarian ialah ;

- i. Segala apa yang diberi atau dihibahkan oleh suami kepada isteri atau sebaliknya dengan bukti secara syarak atau dengan pengakuan dari pihak yang memberi adalah menjadi hak kepada yang menerima.
- ii. Mengenai rumah tempat tinggal dan perabot pada dasarnya adalah menjadi hak suami kecuali bila ada kenyataan menunjukkan bahawa suami menghibahkan kepada isterinya atau isteri yang punya.
- iii. Maskahwin, pakaian dan nafkah pada dasarnya adalah menjadi hak isteri.

Manakala harta sepencarian yang dirujuk kepada Seksyen 2 Undang-undang Keluarga Islam Sarawak iaitu di negeri penulis sendiri yang termasuk dalam lokasi kajian penulis adalah ; “Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa

---

<sup>114</sup> Suwaid Tapah (9 April 2005), *Harta Suami Harta Isteri Perspektif Undang-undang Syariah*, hal 23

perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Undang-undang Islam”. Manakala Seksyen 58 (1) UUKIS 2001 memperuntukkan bahawa ; “Mahkamah adalah berkuasa apabila membenarkan pelafazan talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian, untuk memerintahkan supaya apa-apa asset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana asset itu dijual dan hasil jualannya dibahagikan antara pihak-pihak itu.

Seksyen 58 (2) UUKIS 2001 memperuntukkan bahawa ; Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang;

- (a) Takat sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau tenaga bagi memperolehi asset-aset itu.
- (b) Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat mereka bersama;
- (c) Keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu jika ada

Dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

Manakala dalam Seksyen 58 UUKIS 2001; menetapkan antara lain secara ringkasnya bahawa Mahkamah Syariah berkuasa membuat memerintahkan apa-apa asset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha

bersama mereka dibahagikan antara mereka atau supaya mana-mana asset itu dijual dan hasil jualannya dibahagikan antara pihak-pihak itu.

Di dalam menentukan kadar pembahagian ini, Mahkamah akan mengambil perhatian terhadap beberapa perkara berikut; takat sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap pihak dalam bentuk wang, harta, asset atau tenaga bagi memperoleh asset-aset itu; apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat mereka bersama dan keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan.<sup>115</sup>

#### **2.4.2(c) Hak dalam Penjagaan Anak / Waris (*Hadanah*)**

*Hadanah* dari segi bahasa bermaksud di samping iaitu himpun di samping. Manakala menurut tafsiran Syarak bermaksud menjaga seseorang yang tidak dapat menguruskan dirinya dan mendidiknya dengan pelbagai kaedah yang mendatangkan kebaikan kepadanya sesuai dengan perkembangannya. Bagi kanak-kanak kecil *hadanah*nya berakhir sehingga mencapai umur mumaiyyiz.<sup>116</sup>

Hak penjagaan anak / waris ( *hadanah*) menurut Islam apabila terjadinya perceraian antara suami isteri baik dengan jalan talak, *khulu'* atau *fasakh*, maka anak tersebut samada lelaki atau perempuan yang masih berumur kurang dari tujuh tahun akan dipelihara dan diasuh oleh ibunya. Ini kerana secara fitrahnya sifat wanita (ibu) lebih penyayang dan amat sesuai untuk mengasuh anak. Kemudian

---

<sup>115</sup> Norhaza Ahmad Redzuan Bin Abdullah, Hj., (23 hb Mac 2007), "**Hak-hak Wanita : Kefahaman Tentang Harta**", (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Anjuran Gabungan Wanita Persekutuan Sarawak (GWPS) bertempat di Auditorium Tkt 17, Bangunan Sultan Iskandar, Jln. Simpang Tiga, Kuching).

<sup>116</sup> Dr. Mustafa Bugha, dan 'Ali al-Syarbaji(2005), *Kitab al-Fiqh al-Manhaji*, Ridhwan b. Hashim et.al, (terj ), jil 4, Pustaka Salam Sdn. Bhd. K.Lumpur,hal. 107

selepas ibu barulah nenek sebelah ibu dan begitulah seterusnya sehingga ke atas. Sesudah itu barulah bapa, kemudian nenek sebelah bapa dan begitulah seterusnya sehingga ke atas. Namun bagi anak-anak yang sudah mencapai usia tujuh tahun ke atas baik lelaki atau perempuan maka ia dibenarkan untuk memilih sama ada untuk mengikut ibu atau bapanya. Ini kerana Rasul SAW menyuruh seorang anak supaya bebas memilih antara bapa atau ibunya.<sup>117</sup>

Begitu juga seandainya yang mendidik anak kecil tadi bukan ibu bapanya, maka dalam konteks tersebut lebih diutamakan perempuan daripada lelaki sekiranya darjat kekeluargaan keduanya dengan anak sama jauhnya. Jika ada yang lebih dekat maka didahulukan yang dekat. Namun persoalan tersebut mesti diitinjau dari beberapa aspek iaitu, jikalau pendidik (penjaga) itu terdiri daripada perempuan sahaja dan jalan pemeliharaan mereka terhadap si anak bertingkat-tingkat maka si anak diserahkan kepada ibunya sehingga ke atas (nenek). Kalau semua pendidik itu lelaki maka yang lebih berhak adalah bapa dan sehingga ke atas (datuk). Kalau semua pendidik itu lelaki dan perempuan maka ibu lebih berhak dari semuanya.<sup>118</sup>

Sekiranya nenek dari sebelah pihak ibu dan bapa tidak ada, si anak akan diserahkan kepada keluarga lain dengan cara yang lebih dekat hubungannya didahulukan daripada yang lebih jauh. Semua ini apabila anak belum mencapai usia lima belas tahun. Namun jika sudah mencapai usia baligh, segala urusannya hendaklah diserahkan kepada dirinya sendiri.<sup>119</sup> Persoalannya kenapa perempuan lebih berhak dalam mendapat hak *hadanah* ini ialah kerana perempuan lebih

---

<sup>117</sup> Osman Bin Jantan, Hj., (2001), *op.cit.*, hal.237

<sup>118</sup> *Ibid.*, hal.238

<sup>119</sup> Menjaga dan mendidik kanak-kanak selepas umur *mumayyiz* sehingga mencapai umur baligh tidak dinamakan *hadanah* tetapi *kafalah*

berkebolehan dalam urusan mengasuh serta memelihara anak, lebih bijak, lebih sabar dan lebih cinta serta penyayang terhadap anak-anak.<sup>120</sup>

Kelayakan penjaga seperti yang diambil kira adalah seperti yang terdapat di dalam Undang-undang Keluarga Islam negeri Selangor berikut; beragama Islam, sempurna akal, berumur yang melayakkan untuk memberi jagaan dan kasih sayang, berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiyyah dan tinggal di tempat yang tidak mendatangkan keburukan akhlak atau jasmani kepada kanak-kanak tersebut.<sup>121</sup> Ini adalah asas kepada pembentukan ummah yang penyayang.

## 2.5 Kesimpulan

Alam kehidupan yang dikehendaki oleh ajaran Islam adalah alam yang bersifat rabbani dan juga insani. Tidak boleh ditinggalkan salah satu di antaranya. Sekiranya ditinggalkan maka akan berlaku kepincangan. Rabbani di sini bermaksud setiap aspek kehidupan itu diambil daripada arahan dan hukum Allah S.W.T dan menuju kepada Allah dengan seluruh perasaan dan amalannya. Insani pula bermaksud ia merangkumi segala jenis kemanusiaan di bawah lembayung akidah. Di sana lebur segala kasta. Tiada bezanya di antara seseorang manusia dengan yang lain melainkan dari sudut ketinggian iman dan taqwa. Inilah dia alam kehidupan tertinggi yang selayaknya dijadikan panduan oleh manusia untuk mereka hidup di

---

<sup>120</sup> *Op.cit.*, hal.238-239

<sup>121</sup> Kuasa penentuan *Hadanah* ini terdapat di dalam *Seksyen 61(3)(b)(iii) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003* dan di *Bahagian VII EUKINS. 2003*.



dunia ini, yang turut merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan institusi perkahwinan dan kekeluargaan sebagai asas utama pembentukan masyarakat sejagat agar bersifat rabbani dan insani. Ini juga diperlihatkan dalam urusan perceraian yang masih menekankan aspek pembentukan ummah yang penyayang dan prihatin. Ini memperlihatkan bahawa institusi perkahwinan dalam agama dan falsafah Islam merupakan asas dan dasar utama dalam melahirkan insan-insan rabbani dari kecil. Inilah yang akan terus memastikan pembangunan negara dan bangsa umat Melayu yang kekal dan beriman.